

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEDUDUKAN KEWANGAN	PRESTASI KEWANGAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ WANG TUNAI	↑ HASIL	↑ AKAUN BELUM TERIMA
2021 – RM34.552 bilion	2021 – RM233.752 bilion	2021 – RM113.045 bilion
2020 – RM26.030 bilion	2020 – RM225.075 bilion	2020 – RM106.423 bilion
↑ PELABURAN	↑ BELANJA MENGURUS	↑ PELABURAN
2021 – RM43.391 bilion	2021 – RM231.516 bilion	2021 – RM33.862 bilion
2020 – RM40.063 bilion	2020 – RM224.600 bilion	2020 – RM33.191 bilion
↔ HASIL DISATUKAN	↑ BELANJA PEMBANGUNAN	↑ HUTANG PERSEKUTUAN
2021 – RM11.863 bilion	2021 – RM64.257 bilion	2021 – RM979.814 bilion
2020 – RM11.863 bilion	2020 – RM51.360 bilion	2020 – RM879.560 bilion
↔ PINJAMAN DISATUKAN	↓ BELANJA COVID-19	↓ LIABILITI PFI
2021 – RM0.00	2021 – RM37.711 bilion	2021 – RM35.574 bilion
2020 – RM0.00	2020 – RM38.019 bilion	2020 – RM37.034 bilion
↑ AMANAH DISATUKAN	↑ DEFISIT	↑ KOMITMEN KEWANGAN
2021 – RM66.080 bilion	2021 – RM98.740 bilion	2021 – RM282.276 bilion
2020 – RM54.231 bilion	2020 – RM87.645 bilion	2020 – RM270.023 bilion

1. LATAR BELAKANG

Tanggungjawab Ketua Audit Negara adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 memberikan gambaran yang benar dan saksama. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap maklumat data kewangan tahun 2021 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan maklumat dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah merujuk kepada pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2021, Wang Awam adalah berjumlah

RM77.943 bilion yang terdiri daripada wang tunai berjumlah RM34.552 bilion dan pelaburan berjumlah RM43.391 bilion. Wang Awam dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM11.863 bilion atau 15.2% dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM66.080 bilion atau 84.8%.

3. PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.1. Dana Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan Covid-19, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

3.2. Terimaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM234.744 bilion yang terdiri daripada terimaan hasil berjumlah RM233.752 bilion dan pelbagai terimaan berjumlah RM0.992 bilion. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM333.484 bilion yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM231.516 bilion, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM64.257 bilion dan perbelanjaan Covid-19 berjumlah RM37.711 bilion.

3.3. **Kerajaan Persekutuan terus berada dalam kedudukan defisit berjumlah RM98.740 bilion dengan nisbah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 6.4%.** Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman bersih dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM103.437 bilion.

3.4. Kedudukan defisit Kerajaan Persekutuan mengakibatkan **peningkatan Hutang Persekutuan sebanyak RM100.254 bilion atau 11.4% kepada RM979.814 bilion.** Keluaran Dalam Negeri Kasar tahun 2021 pula mengembang sebanyak 9% kepada RM1,545.372 bilion. Perkara ini menjadikan **nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 63.4%.**

3.5. Nisbah Statutori Hutang Persekutuan terdiri daripada Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Prihatin yang berjumlah RM922.484 bilion adalah pada nisbah 59.7% berbanding KDNK. Nisbah ini tidak melebihi had statutori hutang yang dibenarkan, iaitu 65% kepada KDNK.

3.6. Liabiliti Kewangan yang terdiri daripada Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI), Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti adalah berjumlah RM318.001 bilion. Ini menjadikan **Liabiliti Persekutuan (Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan) berjumlah RM1.298 trillion, iaitu 84% kepada**

KDNK. Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Hasil:				
Hasil Cukai	173,703.46	154,397.97	19,305.49	12.5
Hasil Bukan Cukai	51,122.00	62,046.60	(10,924.60)	(17.6)
Teriman Bukan Hasil	8,410.94	7,953.68	457.26	5.7
Hasil Wilayah Persekutuan	515.66	676.70	(161.04)	(23.8)
Jumlah Hasil	233,752.06	225,074.95	8,677.11	3.9
(+) Pelbagai Terimaan	991.82	1,259.16	(267.34)	(21.2)
Jumlah Terimaan	234,743.88	226,334.11	8,409.77	3.7
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	231,516.36	224,600.24	6,916.12	3.1
Perbelanjaan Pembangunan	64,256.67	51,359.85	12,896.82	25.1
Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19	37,711.02	38,019.24	(308.22)	(0.8)
Jumlah Perbelanjaan	333,484.05	313,979.33	19,504.72	6.2
Lebihan/(Defisit)	(98,740.17)	(87,645.22)	11,094.95	12.7
Nisbah Defisit Kepada KDNK	6.4%	6.2%		
Hutang Persekutuan	979,814.36	879,559.71	100,254.65	11.4
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK	63.4%	62.0%		
Liabiliti Kewangan	318,001.46	307,229.91	10,771.55	3.5
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,297,815.82	1,186,789.62	111,026.20	9.4
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK	84.0%	83.7%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

Nota:

1. KDNK 2021: RM1,545.372 bilion, KDNK 2020: RM1,418.000 bilion (Berdasarkan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 13 Mei 2022)
2. Nisbah Statutori Hutang Persekutuan pada tahun 2021 kepada KDNK adalah 59.7%, iaitu di bawah had statutori 65% kepada KDNK

4. WANG AWAM

Pada tahun 2021, Wang Awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan adalah berjumlah RM77.943 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM11.849 bilion atau 17.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM66.094 bilion. Secara keseluruhannya, kedua-dua baki wang tunai dan pelaburan mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 32.7% dan 8.3% berbanding baki tahun 2020. Kedudukan Wang Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
KEDUDUKAN WANG AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Wang Tunai	34,551.54	26,030.39	8,521.15	32.7
2.	Pelaburan	43,391.12	40,063.42	3,327.70	8.3
	JUMLAH	77,942.66	66,093.81	11,848.85	17.9

Sumber: Penyata Kedudukan Kewangan Tahun 2021

4.1. Wang Tunai

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Pada 31 Disember 2021, kedudukan Wang Tunai adalah berjumlah RM34.552 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM8.522 bilion atau 32.7% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM26.030 bilion. Kedudukan Wang Tunai pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Wang Tunai Dalam Bank	33,594.30	23,386.39	10,207.91	43.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	954.47	2,641.12	(1,686.65)	(63.9)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	2.77	2.88	(0.11)	(3.8)
	JUMLAH	34,551.54	26,030.39	8,521.15	32.7

Sumber: Nota 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

4.1.1. Wang Tunai Dalam Bank

- a. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan. Pada 31 Disember 2021, pegangan Wang Tunai Dalam Bank adalah berjumlah RM33.594 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM10.208 bilion atau 43.6% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM23.386 bilion.
- b. Termasuk dalam pegangan Wang Tunai Dalam Bank yang berjumlah RM33.594 bilion adalah pelaburan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan yang berjumlah RM16.870 bilion. Sejumlah RM9.375 bilion atau 55.6% pelaburan simpanan tetap adalah daripada dana Operasi Pasaran Wang, manakala sejumlah RM7.495 bilion atau 44.4% adalah daripada dana Akaun Amanah Disatukan. Kumpulan Wang Amanah dengan amaun pelaburan simpanan tetap tertinggi adalah Deposit Wang Tak Dituntut sejumlah RM5.338 bilion, Akaun Amanah Inisiatif Pembentukan Swasta sejumlah RM260 juta, Kumpulan Wang

Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-badan lain sejumlah RM150 juta serta Akaun Amanah Sumber Khas sejumlah RM130 juta.

4.1.2. Wang Tunai Dalam Perjalanan

- a. Wang Tunai Dalam Perjalanan yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan merujuk kepada wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenal pasti tetapi belum diakaunkan dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Pada 31 Disember 2021, kedudukan Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah berjumlah RM954.47 juta.
- b. Wang Tunai Dalam Perjalanan sebahagian besarnya merupakan terimaan bayaran cukai pendapatan dan cukai perkastaman yang berjumlah RM546.01 juta. Selain itu, sejumlah RM250 juta merupakan terimaan daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia berdasarkan peruntukan Subseksyen 38(3), Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [*Akta 589*]. Kesemua transaksi terimaan ini adalah bagi tempoh 29 hingga 31 Disember 2021 dan sempurna diresitkan serta diakaunkan pada 12 Januari 2022.

4.2. Pelaburan

4.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pula terdiri daripada dana dalam Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], termasuk Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditadbir urus mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 [*Akta 339*]. Pelaburan Am pula ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.2.2. Pada 31 Disember 2021, sebanyak 83.8% daripada pelaburan Kerajaan terdiri daripada wang dalam Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Kumpulan Wang Amanah Lain dengan jumlah keseluruhan RM36.367 bilion. Sejumlah RM7.024 bilion atau 16.2% pula merupakan pelaburan daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan. Kedudukan pelaburan Kerajaan berdasarkan sumber dana adalah seperti dalam **Jadual 2.4**, manakala kedudukan pelaburan Kerajaan berdasarkan instrumen pelaburan adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.4
KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN
SUMBER DANA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SUMBER DANA PELABURAN	TAHUN				PERUBAHAN	
		2021		2020			
		RM JUTA	%	RM JUTA	%	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Negara	13,891.42	32.0	16,515.29	41.2	(2,623.87)	(15.9)
2.	Kumpulan Wang Amanah Lain	22,475.37	51.8	16,774.43	41.9	5,700.94	34.0
3.	Lebihan Kumpulan Wang Disatukan	7,024.33	16.2	6,773.70	16.9	250.63	3.7
JUMLAH		43,391.12	100.0	40,063.42	100.0	3,327.70	8.3

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

JADUAL 2.5
KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN
INSTRUMEN PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	3,482.01	5,229.69	(1,747.68)	(33.4)
2.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,383.04	1,862.76	(479.72)	(25.8)
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	1,974.24	2,473.32	(499.08)	(20.2)
4.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,455.24	4,465.34	(10.10)	(0.2)
5.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,157.53	2,044.86	112.67	5.5
6.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	7,157.91	7,157.87	0.04	-
7.	Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi 3 hingga 12 Bulan	5.63	-	5.63	100.0
8.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Bagi Tempoh Melebihi 3 Hingga 12 Bulan	11,106.08	6,786.14	4,319.94	63.7
9.	Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Bagi Tempoh Melebihi 12 Bulan	11,668.50	10,042.50	1,626.00	16.2
10.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
JUMLAH		43,391.12	40,063.42	3,327.70	8.3

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

4.2.3. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara

- Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) terdiri daripada instrumen Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri, Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri.
- Pada 31 Disember 2021, kedudukan pelaburan KWAN adalah berjumlah RM13.891 bilion, iaitu 32% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan yang berjumlah RM43.391 bilion. **Pelaburan KWAN merekodkan pengurangan sejumlah RM2.624 bilion atau 15.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM16.515 bilion. Pengurangan dana pelaburan KWAN disebabkan kenaan perbelanjaan Covid-19 yang**

telah diluluskan melalui Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021.

- c. Pada bulan April 2021, dana KWAN telah dibenarkan untuk membiayai perbelanjaan berkaitan program vaksinasi. Program vaksinasi adalah merangkumi kos pemerolehan bekalan vaksin dan juga pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Perbelanjaan yang telah dikenakan kepada KWAN setakat 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM4.088 bilion.
- d. Kedudukan pelaburan KWAN pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.6** dan senarai perbelanjaan program vaksinasi adalah seperti dalam **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.6
KEDUDUKAN PELABURAN KWAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	3,482.01	5,229.69	(1,747.68)	(33.4)
2.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,383.04	1,862.76	(479.72)	(25.8)
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	1,974.24	2,473.32	(499.08)	(20.2)
4.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,455.24	4,465.34	(10.10)	(0.2)
5.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,156.89	2,044.18	112.71	5.5
6.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.00	440.00	-	-
JUMLAH		13,891.42	16,515.29	(2,623.87)	(15.9)

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**JADUAL 2.7
PERBELANJAAN PROGRAM VAKSINASI MENGGUNAKAN DANA KWAN**

BIL.	PERINCIAN PERBELANJAAN	AGENSI PEMBAYAR	AMAUN (RM Juta)
1.	Pembayaran bagi vaksin Covid-19 yang dibekalkan oleh syarikat yang berkaitan, termasuk perbelanjaan berkaitan logistik pembekalan vaksin sehingga ke tempat yang telah ditetapkan.	KWAN	3,201.05
2.	Perbelanjaan berkaitan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), antaranya program imunisasi oleh pengamal perubatan swasta, bekalan pakai habis, penyewaan utiliti pusat pentadbiran vaksin, integrasi data dan sistem serta kos pelaksanaan dan pengurusan lain.	Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	886.72
JUMLAH			4,087.77

Sumber: Penyata Kewangan KWAN Tahun 2021

4.2.4. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain

- a. Pada 31 Disember 2021, pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain sebahagian besarnya dalam Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan berjumlah RM11.669 bilion dan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi

Tiga Hingga 12 Bulan yang berjumlah RM10.806 bilion. Pelaburan ini diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pelaburan berjumlah RM22.475 bilion ini mewakili sebanyak 51.8% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Amaun pelaburan ini mencatatkan peningkatan sebanyak RM5.701 bilion atau 34% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM16.774 bilion.

- b. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) mencatatkan peningkatan pelaburan sebanyak RM5.137 bilion atau 51.2% kepada RM15.180 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM10.043 bilion. Pelaburan AAMKA terdiri daripada Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan yang berjumlah RM11.669 bilion dan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan berjumlah RM3.511 bilion. Pertambahan amaun pelaburan AAMKA ini adalah menggunakan terimaan dana daripada aktiviti mendapatkan kembali aset yang sebahagian besarnya diterima daripada syarikat AmBank Berhad, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat dan Firma Audit Deloitte PLT dengan jumlah keseluruhan RM4.533 bilion.
- c. Bagi pelaburan akaun amanah selain AAMKA, lima pelaburan dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan yang mencatatkan peningkatan tertinggi adalah seperti di **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
PENINGKATAN PELABURAN TERTINGGI
DALAM DEPOSIT JANGKA PENDEK PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan-badan Lain	576.83	-	576.83	100.0
2.	Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Pembangunan Khas Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta II	340.00	-	340.00	100.0
3.	Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta	199.86	-	199.86	100.0
4.	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	556.93	347.50	209.43	60.3
5.	Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan	550.11	492.91	57.20	11.6
JUMLAH		2,223.73	840.41	1,383.32	164.6

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

4.2.5. Pelaburan Am

- a. Pelaburan Am adalah pelaburan yang menggunakan lebihan daripada Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada 31 Disember 2021, Pelaburan Am adalah berjumlah RM7.024 bilion, iaitu 16.2% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Pelaburan Am terdiri daripada Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi

Tiga Hingga 12 Bulan, Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan dan pemilikan dua bidang tanah.

- b. Pada tahun 2021, amaun pelaburan dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan meningkat sebanyak RM245 juta kepada RM300 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM55 juta. Peningkatan dalam Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan pula merujuk kepada amaun dalam Tabung Komanwel Untuk Kerjasama Teknikal yang sebelum ini dilaporkan sebagai sebahagian daripada wang tunai. Kedudukan Pelaburan Am pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

**JADUAL 2.9
KEDUDUKAN PELABURAN AM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,717.76	6,717.76	-	-
2.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan	300.00	55.00	245.00	445.5
3.	Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan	5.63	-	5.63	100.0
4.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
JUMLAH		7,024.33	6,773.70	250.63	3.7

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

5.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.


5.2. Pada tahun 2021, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM233.752 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM231.516 bilion. **Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan hasil berjumlah RM2.236 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM1.761 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.475 bilion.** Keseluruhan amaun lebihan ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.10** dan trend kedudukan lebihan hasil bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.1**.

JADUAL 2.10
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki pada 1 Januari	11,863.13	11,863.13	-	-
Hasil	233,752.06	225,074.95	8,677.11	3.9
Perbelanjaan Mengurus	(231,516.36)	(224,600.24)	6,916.12	3.1
Lebihan Hasil	2,235.70	474.71	1,760.99	371.0
Lebihan Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(2,235.70)	(474.71)	1,760.99	371.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	11,863.13	11,863.13	-	-

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

CARTA 2.1
TREND KEDUDUKAN LEBIHAN HASIL BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

5.3. Hasil

5.3.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2021, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM233.752 bilion telah meningkat sejumrah RM8.677 bilion atau 3.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM225.075 bilion. Kedudukan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2021		TAHUN 2020		PERUBAHAN	
		RM JUTA	%	RM JUTA	%	RM JUTA	%
1.	Hasil Cukai	173,703.46	74.3	154,397.97	68.6	19,305.49	12.5
2.	Hasil Bukan Cukai	51,122.00	21.9	62,046.60	27.6	(10,924.60)	(17.6)
3.	Terimaan Bukan Hasil	8,410.94	3.6	7,953.68	3.5	457.26	5.7

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2021		TAHUN 2020		PERUBAHAN	
		RM JUTA	%	RM JUTA	%	RM JUTA	%
4.	Hasil Wilayah Persekutuan	515.66	0.2	676.70	0.3	(161.04)	(23.8)
	JUMLAH	233,752.06	100.0	225,074.95	100.0	8,677.11	3.9

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

5.3.2. Hasil Cukai

Hasil Cukai mewakili 74.3% daripada keseluruhan terimaan hasil tahun 2021. Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung yang diuruskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan serta Cukai Tak Langsung yang diuruskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. **Pada tahun 2021, kutipan hasil cukai adalah berjumlah RM173.703 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM19.305 bilion atau 12.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM154.398 bilion.** Kedudukan Hasil Cukai pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.12**.

**JADUAL 2.12
KEDUDUKAN HASIL CUKAI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	HASIL CUKAI	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	Langsung	130,115.86	112,511.15	17,604.71	15.6
2.	Tak Langsung	43,587.60	41,886.82	1,700.78	4.1
	JUMLAH	173,703.46	154,397.97	19,305.49	12.5

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

a. Cukai Langsung

- i. Komponen utama Cukai Langsung adalah cukai pendapatan yang berjumlah RM121.674 bilion. Prestasi kutipan cukai pendapatan pada tahun 2021 adalah lebih baik dengan peningkatan sejumlah RM16.790 bilion atau 16% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM104.884 bilion.
- ii. Cukai pendapatan syarikat adalah berjumlah RM79.829 bilion, iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM29.764 bilion atau 59.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM50.065 bilion. Peningkatan ini disebabkan pelarasan bayaran ansuran cukai bulanan dan bayaran baki cukai yang tinggi pada tahun 2021. Antara faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan cukai syarikat adalah seperti berikut:
 - kebenaran beroperasi yang diberikan Kerajaan kepada sektor perniagaan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);

- prestasi keuntungan syarikat dalam sektor petroleum hiliran dan perladangan kelapa sawit berikutan peningkatan ketara harga komoditi petroleum dan kelapa sawit di pasaran;
 - permintaan pasaran yang tinggi memberi lebihan hasil kepada syarikat dalam industri pembuatan makanan dan sarung tangan getah; dan
 - pemulihan pasaran kewangan yang memberi kesan positif kepada syarikat dalam sektor kewangan dan insurans.
- iii. Sungguhpun keseluruhan cukai pendapatan meningkat pada tahun 2021, namun kutipan cukai pendapatan individu merekodkan penurunan ketara RM11.902 bilion atau 30.6% kepada RM27.051 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM38.953 bilion. Pelaksanaan PKP bagi membendung penularan Covid-19 memberi impak yang besar kepada sektor penggajian yang mana ramai pekerja diberhentikan, diberi cuti tanpa gaji serta menerima pengurangan bayaran gaji, elaun dan manfaat lain. Keadaan ini memberi kesan kepada kutipan cukai pendapatan individu melalui kaedah Potongan Cukai Bulanan (PCB). Kaedah kutipan ini menyumbang hampir 75% daripada kutipan keseluruhan cukai pendapatan individu.
- iv. Kutipan cukai petroleum juga merekodkan pengurangan sejumlah RM1.202 bilion atau 9.4% kepada RM11.570 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM12.772 bilion. Kutipan cukai petroleum sebenarnya adalah lebih baik berbanding tahun 2020 kerana peningkatan harga komoditi petroleum, namun jumlah kutipan tahun 2020 yang tinggi adalah termasuk bayaran tunggakan pelarasan audit cukai yang diterima berjumlah RM3.400 bilion.
- v. Prestasi kutipan Hasil Cukai Langsung pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
PRESTASI KUTIPAN
HASIL CUKAI LANGSUNG PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	Cukai Pendapatan - Syarikat	79,829.03	50,065.45	29,763.58	59.4
2.	Cukai Pendapatan - Individu	27,050.73	38,953.12	(11,902.39)	(30.6)
3.	Cukai Pendapatan - Petroleum	11,569.86	12,771.54	(1,201.68)	(9.4)
4.	Duti Setem	6,339.86	5,505.76	834.10	15.1
5.	Cukai Pendapatan - Cukai Pegangan	3,035.47	2,992.94	42.53	1.4

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
6.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	1,803.17	1,687.48	115.69	6.9
7.	Cukai Aktiviti Perniagaan Pesisir Labuan	289.24	421.49	(132.25)	(31.4)
8.	Cukai Pendapatan - Koperasi	141.76	58.65	83.11	141.7
9.	Cukai Pendapatan Lain - Cukai Seksyen 124	47.11	42.74	4.37	10.2
10.	Cukai Langsung Lain	9.07	11.98	(2.91)	(24.3)
11.	Duti Harta Pusaka	0.56	-	0.56	100.0
JUMLAH		130,115.86	112,511.15	17,604.71	15.6

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

b. Cukai Tak Langsung

- i. Pada tahun 2021, kutipan Cukai Tak Langsung adalah berjumlah RM43.588 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.701 bilion atau 4.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM41.887 bilion. Komponen utama dalam Cukai Tak Langsung adalah Cukai Jualan berjumlah RM13.598 bilion atau 31.2%, Cukai Perkhidmatan yang berjumlah RM12.018 bilion atau 27.6%, serta Duti Eksais yang berjumlah RM10.241 bilion atau 23.5%.
- ii. Cukai Jualan terdiri daripada cukai yang dikenakan kepada barang-barang perkilangan dalam negeri yang berjumlah RM4.907 bilion dan barang yang diimport yang berjumlah RM8.691 bilion.
- iii. Kutipan utama Cukai Perkhidmatan adalah daripada sektor insurans dan takaful (RM1.447 bilion), perkhidmatan telekomunikasi (RM1.439 bilion), perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (RM1.233 bilion), perkhidmatan pengurusan (RM1.229 bilion) serta sektor teknologi maklumat (RM1.006 bilion).
- iv. Kutipan utama Duti Eksais pula melibatkan rokok yang diimport (RM2.927 bilion), kenderaan penumpang (RM2.329 bilion), motokar *completely build up* (RM2.286 bilion) dan bir daripada malt (RM1.501 bilion).
- v. Kenaikan harga minyak sawit mentah di pasaran memberi impak yang signifikan kepada kutipan Cukai Tak Langsung. Pada tahun 2021, purata harga minyak sawit mentah adalah pada paras RM4,407 bagi setiap tan berbanding tahun 2020 pada kadar RM2,686. Kenaikan harga purata ini dan penamatan pengecualian duti eksport pada 31 Disember 2020 menyebabkan kutipan duti eksport minyak kelapa sawit mentah meningkat RM1.277 bilion kepada RM1.364 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.087 bilion. Selain

itu, harga purata tahun semasa juga melebihi nilai ambang penetapan levi keuntungan luar biasa, iaitu RM2,500 setiap tan bagi Semenanjung Malaysia dan RM3,000 bagi Sabah dan Sarawak. Ini menjadikan kutipan levi buah kelapa sawit pada tahun 2021 adalah berjumlah RM1.953 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.744 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.209 bilion.

5.3.3. Hasil Bukan Cukai

- a. Pada tahun 2021, **Hasil Bukan Cukai berkurangan sejumlah RM10.925 bilion atau 17.6% kepada RM51.122 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM62.047 bilion.** Penurunan ketara melibatkan terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan sejumlah RM11.049 bilion atau 24% kepada RM35.018 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM46.067 bilion. Penurunan ini disebabkan terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad sejumlah RM25 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM34 bilion. Selain itu, pindahan premium daripada terbitan Sekuriti Kerajaan juga berkurangan sejumlah RM4.246 bilion atau 70.2% kepada RM1.800 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM6.046 bilion.
- b. Kutipan lesen, bayaran pendaftaran dan permit berkurangan sejumlah RM0.353 bilion atau 3.2% kepada RM10.578 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM10.931 bilion. Penurunan ini antaranya disebabkan terimaan royalti petroleum yang berkurang sejumlah RM0.503 bilion atau 12% kepada RM3.699 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM4.202 bilion. Selain itu, pemberian moratorium pembaharuan Lesen Kenderaan Motor kepada pemilik kenderaan persendirian dan kelonggaran pembaharuan Lesen Kenderaan Motor kepada kenderaan komersial menyebabkan penurunan kutipan lesen berjumlah RM0.139 bilion atau 4.7% kepada RM2.797 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.936 bilion.
- c. Bagaimanapun, kutipan dalam kategori denda dan hukuman meningkat sejumlah RM0.681 bilion atau 47.9% kepada RM2.103 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.422 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya merupakan bayaran yang dikutip oleh Polis Diraja Malaysia sepanjang tempoh tawaran kompaun saman sempena promosi pelancaran aplikasi MyBayar Saman serta sambutan 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia.

d. Mulai 24 September 2020, Kerajaan telah mengenakan caj kuarantin kepada semua warganegara dan warga asing atau Person Under Surveillance apabila memasuki Pintu Masuk Antarabangsa. Caj yang dikenakan adalah antara RM4,820 sehingga RM4,950 seorang meliputi ujian pengesanan Covid-19 dan kuarantin wajib di stesen yang ditetapkan Kerajaan selama 14 hari. Pada tahun 2021, caj kuarantin yang dikutip oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berjumlah RM301.83 juta.

5.3.4. Terimaan Bukan Hasil

Pada tahun 2021, Terimaan Bukan Hasil merekodkan peningkatan sejumlah RM0.457 bilion atau 5.7% kepada RM8.411 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM7.954 bilion. Termasuk dalam Terimaan Bukan Hasil adalah terimaan dana daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sejumlah RM1.010 bilion dan ambilan daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen sejumlah RM5 bilion.

5.3.5. Hasil Wilayah Persekutuan

Hasil Wilayah Persekutuan berkurangan sejumlah RM161.04 juta atau 23.8% kepada RM515.66 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM676.70 juta. Pengurangan ini antaranya disebabkan kutipan premium dan cukai tanah yang lebih rendah berjumlah RM448.21 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM577.61 juta.

5.4. Perbelanjaan Mengurus

5.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2021, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2021 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM236.495 bilion. Dalam tempoh yang sama, sejumlah RM1.107 bilion waran peruntukan tambahan telah dikeluarkan dan sejumlah RM10.781 bilion waran sekatan peruntukan dikenakan. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM226.821 bilion. Perincian lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

JADUAL 2.14
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2021 BERBANDING 2020


PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Peruntukan:				
Anggaran Asal	236,495.00	241,020.00	(4,525.00)	(1.9)
(+) Tambahan	1,107.51	11.98	1,095.53	9,144.7

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
(+) Penguntukan Semula	-	7,184.08	(7,184.08)	(100.0)
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(10,781.36)	(21,496.06)	(10,714.70)	(49.8)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	226,821.15	226,720.00	101.15	-
Perbelanjaan Mengurus	231,516.36	224,600.24	6,916.62	3.1
(+) Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	2,235.70	474.71	1,760.99	371.0
Perbelanjaan Sebenar	233,752.06	225,074.95	8,677.11	3.9
Peratus Perbelanjaan	103.1%	99.3%		

Sumber: Lampiran 1, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 dan 2021

5.4.2. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tahun 2021 (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) adalah berjumlah RM233.752 bilion, iaitu melebihi peruntukan sejumlah RM6.931 bilion atau 103.1%. Prestasi perbelanjaan ini juga meningkat sejumlah RM8.677 bilion atau 3.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM225.075 bilion. Lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022 dan seterusnya mendapat kelulusan Dewan Negara pada 29 Mac 2022. Prestasi perbelanjaan bagi 10 kementerian tertinggi pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Carta 2.2**.

CARTA 2.2
PRESTASI PERBELANJAAN
BAGI 10 KEMENTERIAN TERTINGGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

5.4.3. Sejumlah RM5.991 bilion atau 2.6% daripada keseluruhan perbelanjaan yang berjumlah RM233.752 bilion adalah perbelanjaan yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar (bulan ke-13). Senarai perbelanjaan yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2.15**.

JADUAL 2.15
PERBELANJAAN DALAM TEMPOH AKAUN KENA BAYAR TAHUN 2021

BIL.	RINGKASAN PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Subsidi barang petroleum, subsidi faedah imbuhan Tabung Pinjaman PTPTN, pampasan kepada konsesi tol dan penyaluran kepada syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan	4,705.03
2.	Bayaran Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri	581.98
3.	Subsidi untuk Skim Penstabilan Minyak Masak	344.05
4.	Penyaluran peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dan Padiberas Nasional Berhad	200.00
5.	Perbelanjaan sewa dan perkhidmatan bagi Pilihan Raya Umum Sarawak	84.66
6.	Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021 kepada UKM, UIAM, UPM, USIM, UPNM dan UMT	75.00
7.	Perkhidmatan pengiklanan dan tuntutan eluan perjalanan di Kementerian Kerja Raya	0.49
JUMLAH		5,991.21

Sumber: Data iGFMAS

5.4.4. Kementerian Kewangan mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM73.049 bilion atau 31.3% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM10.221 bilion atau 16.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM62.828 bilion.

5.4.5. Kementerian Pendidikan Malaysia mencatat penurunan dalam perbelanjaan mengurus berjumlah RM5.592 bilion atau 11% kepada RM45.320 bilion disebabkan oleh sebahagian perbelanjaan yang sebelum ini dikenakan kepada vot Kementerian Pendidikan Malaysia telah dikenakan kepada vot Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2021. Secara perbandingan, perbelanjaan keseluruhan Kementerian Pengajian Tinggi meningkat sejumlah RM5.785 bilion atau 113.5% kepada RM10.880 bilion.

5.4.6. Kementerian Kesihatan Malaysia pula merekodkan penurunan sejumlah RM2.360 bilion atau 8.7% kepada RM24.650 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM27.010 bilion. Penurunan ketara ini disebabkan pengelasan perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM4.366 bilion. Pengelasan perbelanjaan ini melibatkan program Perkhidmatan Sokongan Hospital sejumlah RM89.19 juta, Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan sejumlah RM2.856 bilion serta Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor sejumlah RM1.421 bilion.

5.4.7. Berdasarkan penjenisan perbelanjaan pula, perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM121.579 bilion atau 52% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan mengikut penjenisan perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.16**.

JADUAL 2.16
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS
MENGIKUT PENJENISAN PERBELANJAAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PENJENISAN PERBELANJAAN	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	121,578.75	111,163.06	10,415.69	9.4
2.	Emolumen	85,853.52	82,996.33	2,857.19	3.4
3.	Perkhidmatan dan Bekalan	24,923.63	29,323.43	(4,399.80)	(15.0)
4.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	800.45	961.53	(161.08)	(16.8)
5.	Aset	595.70	630.60	(34.90)	(5.5)
JUMLAH		233,752.05	225,074.95	8,677.10	3.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 dan 2021

5.4.8. Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM2.236 bilion) yang berjumlah RM121.579 bilion meningkat sejumlah RM10.416 bilion atau 9.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM111.163 bilion. Peningkatan ini melibatkan pemberian dalam negeri yang berjumlah RM53.356 bilion dengan perbelanjaan tertinggi melibatkan program subsidi yang berjumlah RM13.134 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM4.659 bilion. Selain itu, kos kewangan juga meningkat kepada RM38.580 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM35.155 bilion serta bayaran persaraan yang berjumlah RM28.595 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM27.033 bilion. Bagaimanapun, perbelanjaan pemberian biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran berkurangan sejumlah RM1.071 bilion atau 68.2% kepada RM0.499 bilion disebabkan pengelasan perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan. Prestasi perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.17**.

JADUAL 2.17
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	Pemberian Dalam Negeri	53,355.61	46,961.82	6,393.79	13.6
2.	Kos Kewangan	38,580.20	35,154.60	3,425.60	9.7
3.	Bayaran Persaraan*	28,595.24	27,032.84	1,562.40	5.8
4.	Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	498.51	1,569.57	(1,071.06)	(68.2)
5.	Pemberian Luar Negeri	287.70	277.57	10.13	3.6
6.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	261.49	166.65	94.84	56.9
JUMLAH		121,578.75	111,163.05	10,415.70	9.4

Sumber: Data iGFMAS

Nota: * Bayaran persaraan terdiri daripada pencen, ganjaran, gantian cuti rehat dan elaua bersara

5.4.9. **Perbelanjaan tertinggi berikutnya adalah bayaran emolumen yang berjumlah RM85.854 bilion atau 36.7% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.** Perbelanjaan emolumen kekal dalam trend meningkat


setiap tahun dengan purata peningkatan bagi tempoh lima tahun sejumlah RM2.205 bilion. Kementerian dengan perbelanjaan emolumen tertinggi adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (RM39.464 bilion), Kementerian Kesihatan Malaysia (RM18.042 bilion), Kementerian Dalam Negeri (RM9.765 bilion) dan Kementerian Pertahanan (RM7.815 bilion). Amaun keseluruhan perbelanjaan emolumen kementerian berkenaan adalah berjumlah RM75.086 bilion atau 87.5% daripada keseluruhan perbelanjaan emolumen.

5.4.10. Perbelanjaan Utama

a. Perbelanjaan Kerana Hutang

Perbelanjaan kerana hutang yang dikenakan kepada Vot T.13 terus mencatatkan peningkatan berikutan kenaikan Hutang Persekutuan. Pada tahun 2021, **perbelanjaan kerana hutang adalah berjumlah RM38.069 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM3.574 bilion atau 10.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM34.495 bilion. Peratusan perbelanjaan ini berbanding kutipan hasil tahun 2021 yang berjumlah RM233.752 bilion adalah pada nisbah 16.3% berbanding 15.3% pada tahun 2020.** Trend perbelanjaan kerana hutang dan peratusannya berbanding terimaan hasil bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.3.**

CARTA 2.3
TREND PERBELANJAAN KERANA HUTANG DAN PERATUSANNYA
BERBANDING TERIMAAN HASIL BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

b. Bayaran Persaraan

Bayaran persaraan yang diperuntukkan kepada Vot T.14 terdiri daripada perbelanjaan pencen, elaun bersara dan ganjaran dengan anggaran belanjawan asal berjumlah RM27 bilion. Peruntukan ini telah ditambah melalui Waran Khas Bilangan 1 Tahun 2021 sejumlah RM1.107 bilion. Perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM28.037 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.645 bilion atau 6.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM26.392 bilion. Termasuk dalam perbelanjaan pencen yang berjumlah RM28.037 bilion adalah bayaran kepada pegawai pencen dalam tahun 2021 yang berjumlah RM7.165 bilion atau 25.6%. Bayaran ini merangkumi bayaran ganjaran sejumlah RM5.669 bilion, bayaran pencen sejumlah RM0.783 bilion, gantian cuti rehat sejumlah RM0.710 bilion dan elaun bersara berjumlah RM0.003 bilion. Trend bayaran kepada pesara baharu bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.4**.

CARTA 2.4
TREND PERBELANJAAN PENCEN PESARA BAHRU
BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

c. Perbelanjaan Subsidi

- i. **Perbelanjaan subsidi pada tahun 2021 adalah berjumlah RM13.134 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM8.475 bilion atau 181.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM4.659 bilion.** Antara perbelanjaan subsidi yang tertinggi ialah subsidi barang produk petroleum yang berjumlah RM10.023 bilion atau 76.3% daripada keseluruhan perbelanjaan dan Subsidi Pampasan Tol berjumlah RM1.336 bilion.

- ii. Perbelanjaan subsidi barang produk petroleum melibatkan produk petrol (RON 95), diesel dan gas asli cecair (LPG) yang dibekalkan oleh 14 syarikat pengeluar bagi bulan November 2020 hingga November 2021. Subsidi dibayar berdasarkan perbezaan harga jualan yang ditetapkan Kerajaan dengan harga sebenar pasaran. Pada tahun 2021, harga produk petroleum telah meningkat dengan ketara daripada harga purata USD42.20 satu tong pada tahun 2020 kepada USD70.50 satu tong pada tahun 2021. Bagaimanapun, harga jualan yang ditetapkan oleh Kerajaan masih kekal dan tidak berubah. Perincian perbelanjaan subsidi berkaitan produk petroleum adalah seperti dalam **Jadual 2.18**.

JADUAL 2.18
PERBELANJAAN SUBSIDI
PRODUK PETROLEUM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PRODUK PETROLEUM	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	RON 95	4,469.04	172.22	4,296.82	2,495.0
2.	Diesel	2,901.21	292.54	2,608.67	891.7
3.	LPG	2,652.48	1,165.07	1,487.41	127.7
JUMLAH		10,022.73	1,629.83	8,392.90	515.0

Sumber: Data iGFMAS

- iii. Subsidi Pampasan Tol pula berjumlah RM1.336 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.285 bilion atau 27.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.051 bilion. Perbelanjaan ini merupakan amaun pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi lebuh raya berikutnya pemberian diskaun tol dan penangguhan kenaikan kadar tol melibatkan 21 buah lebuh raya.
- iv. Selain itu, antara subsidi lain adalah termasuk subsidi minyak masak, bantuan makanan dan makanan tambahan berjumlah RM1.049 bilion. Subsidi minyak masak adalah bagi minyak masak yang dijual dalam polibeg 1kg pada harga RM2.50 sepaket. Perbelanjaan subsidi ini meningkat sejumlah RM0.450 bilion atau 75.2% berikutan peningkatan harga komoditi buah kelapa sawit.

d. Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri

Termasuk dalam perbelanjaan bawah Vot T.12 yang berjumlah RM6.216 bilion adalah perbelanjaan pemberian penyenggaraan jalan negeri berjumlah RM4.896 bilion. Pemberian penyenggaraan jalan negeri diperuntukkan di bawah Perenggan 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan. Pemberian adalah bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri yang termasuk dalam kategori jalan standard, jalan substandard dan jalan pelancongan. Amaun pemberian ini meningkat sejumlah RM0.202 bilion atau

4.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM4.694 bilion. Perincian amaun pemberian mengikut kategori jalan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.19**.

JADUAL 2.19
PEMBERIAN PENYENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020


BIL.	KATEGORI JALAN	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM JUTA	%
1.	Standard	3,467.48	3,289.73	177.75	5.4
2.	Substandard	1,428.14	1,403.79	24.35	1.7
3.	Pelancongan	0.40	0.36	0.04	11.1
JUMLAH		4,896.02	4,693.88	202.14	4.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 dan 2021

5.5. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)


- a. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] merujuk kepada perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan-pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama.
- b. Pada tahun 2021, **pembayaran AP58(a) adalah berjumlah RM2.063 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.175 bilion atau 132.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.888 bilion.** Trend pembayaran AP58(a) bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.5** dan statistik bayaran AP58(a) mengikut Pegawai Pengawal adalah seperti dalam **Carta 2.6**.

CARTA 2.5
TREND PEMBAYARAN AP58(a) BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Data Perbelanjaan Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

CARTA 2.6
STATISTIK BAYARAN AP58(a)
MENGIKUT PEGAWAI PENGAWAL BAGI TAHUN 2021



Sumber: Data Perbelanjaan Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- c. Pembayaran AP58(a) tahun 2021 merangkumi bekalan dan perkhidmatan tahun 2020 yang berjumlah RM1.634 bilion atau 79.2% serta bekalan dan perkhidmatan pada atau sebelum tahun 2019 yang berjumlah RM0.429 bilion atau 20.8%. Pecahan pembayaran AP58(a) mengikut tahun bekalan dan perkhidmatan adalah seperti dalam **Jadual 2.20**.

JADUAL 2.20
PECAHAN PEMBAYARAN AP58(a) PADA TAHUN 2021
MENGIKUT TAHUN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	TAHUN PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		JUMLAH (RM Juta)
		2020	≤ 2019	
		RM JUTA	RM JUTA	
1.	Perbendaharaan Malaysia	640.19	63.72	703.91
2.	Kementerian Kerja Raya	32.09	235.87	267.96
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	190.14	39.33	229.47
4.	Kementerian Dalam Negeri	227.80	0.48	228.28
5.	Kementerian Pengangkutan	89.93	82.34	172.27
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia	151.95	2.43	154.38
7.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	123.54	-	123.54
8.	Jabatan Perkhidmatan Awam	59.94	0.19	60.13
9.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	42.77	0.02	42.79
10.	Jabatan Perdana Menteri (Pejabat Ketua Setiausaha Negara)	16.20	0.39	16.59
11.	Kementerian/Jabatan Lain	59.83	4.27	64.10
JUMLAH		1,634.38	429.04	2,063.42

Sumber: Data Perbelanjaan Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: ≤ - Pada atau sebelum

- d. Perbendaharaan Malaysia merekodkan bayaran AP58(a) tertinggi yang berjumlah RM0.704 bilion. Termasuk dalam amaun bayaran berkenaan adalah bayaran fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun perkhidmatan 2020 berjumlah RM0.229 bilion dan subsidi barang petroleum bagi tahun bekalan 2020 yang berjumlah RM0.278 bilion. Bagi bayaran perkhidmatan sebelum tahun 2020 pula melibatkan tuntutan Marginal Cost Support Sum (MARCS) dan tuntutan caj perkhidmatan Urban Transformation Centre (UTC) cawangan negeri berjumlah RM63.68 juta.
- e. Kementerian Kerja Raya mencatatkan bayaran AP58(a) kedua tertinggi berjumlah RM0.268 bilion. Sebahagian besar bayaran ini merujuk kepada pampasan penangguhan kenaikan kadar tol kepada syarikat konsesi. Bayaran AP58(a) di Kementerian Pendidikan Malaysia antaranya melibatkan bayaran interim kontrak pakej internet dan bekalan buku teks tahun 2020 yang berjumlah RM71.37 juta.
- f. Berdasarkan tahun perkhidmatan, tempoh perkhidmatan terawal yang dibuat bayaran adalah untuk tahun 2003 hingga 2010 melibatkan bayaran bil dan saman tertunggak kenderaan jabatan dan kenderaan rasmi yang berjumlah RM0.16 juta. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 pula, bayaran utama dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang berjumlah RM0.53 juta yang melibatkan penjelasan tunggakan eluan pertukaran, PERKESO dan bil-bil lain. Selain itu, pembayaran bagi tahun perkhidmatan 2016 hingga 2019 sebahagian besar adalah melibatkan Kementerian Pengangkutan bagi menjelaskan tuntutan perkhidmatan udara luar bandar dan Tren Tidak Ekonomik Keretapi Tanah Melayu Berhad yang berjumlah RM81.26 juta. Kedudukan bayaran AP58(a) bagi tahun perkhidmatan pada dan sebelum 2019 adalah seperti **Jadual 2.21**.

JADUAL 2.21
KEDUDUKAN BAYARAN AP58(a)
BAGI TAHUN PERKHIDMATAN PADA DAN SEBELUM 2019

TAHUN PERKHIDMATAN	AMAUN (RM Juta)
2003 hingga 2010	0.16
2011 hingga 2015	0.66
2016 hingga 2019	428.22
JUMLAH	429.04

Sumber: Data Perbelanjaan Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

g. Pembayaran AP58(a) Selepas Bulan April 2021

- i. Surat Edaran Kementerian Kewangan bertarikh 27 Januari 2021 menetapkan semua pembayaran AP58(a) hendaklah selesai sebelum atau pada 30 April 2021 dan sebarang pembayaran selepas tarikh tersebut hendaklah

mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Kementerian/Jabatan/Agenzi juga perlu memastikan bahawa perbelanjaan yang dilakukan mematuhi tatacara dan peraturan kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa.

- ii. Pada tahun 2021, pembayaran AP58(a) yang dijelaskan sehingga bulan April 2021 adalah berjumlah RM1.445 bilion atau 70% daripada keseluruhan bayaran yang berjumlah RM2.063 bilion. Baki bayaran berjumlah RM0.618 bilion dibayar selepas bulan April. Prestasi pembayaran AP58(a) sehingga dan selepas 30 April 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.22**.

JADUAL 2.22
PRESTASI PEMBAYARAN AP58(a) SEHINGGA DAN SELEPAS 30 APRIL 2021

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	SEHINGGA APRIL		SELEPAS APRIL	
		BILANGAN BAUCAR	AMAUN (RM Juta)	BILANGAN BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
1.	Perbendaharaan Malaysia	1,137	469.11	112	234.80
2.	Kementerian Dalam Negeri	15,318	99.68	10,915	128.60
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6,462	111.36	4,362	118.11
4.	Kementerian Pengangkutan	1,051	107.92	93	64.35
5.	Kementerian Kerja Raya	712	241.33	12	26.63
6.	Kementerian / Jabatan Lain	67,917	416.04	2,014	45.49
JUMLAH		92,597	1,445.44	17,508	617.98

Sumber: Rekod iGFMAS dan Rekod JANM Negeri/Kementerian/Jabatan

Maklum balas Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan dalam Mesyuarat Pra-Penutup pada 25 Julai 2022

Peningkatan bayaran AP58(a) sebahagian besarnya adalah disebabkan perbelanjaan subsidi. Pejabat Belanjawan Negara bersetuju dengan syor Audit supaya perbelanjaan selepas bulan April dipertimbangkan di bawah Arahan Perbendaharaan 59. Pada masa yang sama, Pejabat Belanjawan Negara akan terus menyampaikan kesedaran kepada Pusat Pembayar mengenai impak perbelanjaan AP58(a) kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun semasa.

Pernyataan Audit	Peningkatan bayaran AP58(a) yang amat ketara boleh menjelaskan prestasi perbelanjaan bagi program/projek yang telah diluluskan peruntukan dalam tahun kewangan semasa.
-----------------------------------	---

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

6.1. Akaun Pinjaman Disatukan (APDS) mengakaunkan urus niaga pinjaman dalam dan luar negeri. Akaun Pinjaman Disatukan kekal berbaki sifar pada akhir tahun 2021. Kedudukan APDS pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.23** dan perincian terimaan dan bayaran mengikut jenis instrumen pinjaman pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.24**.

JADUAL 2.23

KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki Pada 1 Januari	-	16,277.38	(16,277.38)	(100.0)
Terimaan:				
Dalam Negeri	211,924.84	194,555.28	17,369.56	8.9
Luar Negeri	5,276.55	-	5,276.55	100.0
Jumlah Terimaan	217,201.39	194,555.28	22,646.11	11.6
Bayaran:				
Dalam Negeri	(110,221.16)	(97,727.56)	12,493.60	12.8
Luar Negeri	(3,542.71)	(330.54)	3,212.17	971.8
Jumlah Bayaran	(113,763.87)	(98,058.10)	15,705.77	16.0
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan (KWP)	(62,317.00)	(61,071.04)*	1,245.96	2.0
Pindahan Ke Kumpulan Wang Covid-19 (KWC)	(38,000.00)	(38,020.00)	(20.00)	(0.1)
Pelarasan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(3,120.52)	(13,683.52)**	(10,563.00)	(77.2)
Baki Pada 31 Disember	-	-	-	-

Sumber: Nota 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

Nota: *Termasuk pindahan bagi pinjaman yang diterima pada tahun 2019 berjumlah RM12.500 bilion. Ini menjadikan pindahan bagi pinjaman tahun 2020 adalah berjumlah RM48.571 bilion

**Premium bersih tahun 2019 adalah berjumlah RM3.777 bilion dan tahun 2020 adalah berjumlah RM9.906 bilion

JADUAL 2.24

PERINCIAN TERIMAAN DAN BAYARAN MENGIKUT JENIS INSTRUMEN PINJAMAN PADA TAHUN 2021

BIL.	INSTRUMEN PINJAMAN KERAJAAN	TERIMAAN TUNAI (RM Juta)	BAYARAN PINJAMAN MATANG (RM Juta)	TERIMAAN/(BAYARAN) BERSIH (RM Juta)	PELARASAN PREMIUM BERSIH (RM Juta)	PINDAHAN KE KWP DAN KWC (RM Juta)
		(a)	(b)	(c) = (a)-(b)		
Dalam Negeri						
1.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	88,131.40	(42,641.73)	45,489.67*	(1,189.67)	(38,004.89)
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	78,930.86	(29,000.00)	49,930.86	(1,930.85)	(48,000.00)
3.	Bil Perbendaharaan	44,862.58	(32,579.43)	12,283.15	-	(12,283.16)
4.	Sukuk	-	(6,000.00)	(6,000.00)*	-	-
Jumlah Dalam Negeri		211,924.84	(110,221.16)	101,703.68	(3,120.52)	(98,288.05)
Luar Negeri						
5.	Sukuk Global	5,276.55	(3,247.60)	2,028.95	-	(2,028.95)
6.	Multilateral	-	(39.55)	(39.55)*	-	-

BIL.	INSTRUMEN PINJAMAN KERAJAAN	TERIMAAN TUNAI (RM Juta)	BAYARAN PINJAMAN MATANG (RM Juta)	TERIMAAN/ (BAYARAN) BERSIH (RM Juta)	PELARASAN PREMIUM BERSIH (RM Juta)	PINDAHAN KE KWP DAN KWC (RM Juta)
		(a)	(b)	(c) = (a)-(b)		
7.	Bilateral	-	(255.56)	(255.56)*	-	-
Jumlah Luar Negeri	5,276.55	(3,542.71)	1,733.84		-	(2,028.95)
JUMLAH KESELURUHAN	217,201.39	(113,763.87)	103,437.52		(3,120.52)	(100,317.00)

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: *Amaun terimaan bersih untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia juga digunakan untuk bayaran prinsipal matang bagi sukuk serta pinjaman multilateral dan bilateral


6.2. Terimaan pinjaman kasar adalah lebih tinggi sebanyak RM22.646 bilion atau 11.6% kepada RM217.201 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM194.555 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan komitmen bayaran prinsipal pinjaman matang yang lebih tinggi berjumlah RM113.764 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM98.058 bilion. Peratusan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu bagi membiayai pinjaman matang meningkat kepada 52.4% berbanding tahun 2020 sebanyak 50.4%. Keadaan ini dijangka akan berterusan sehingga Kerajaan dapat menyediakan belanjawan tahunan pada kedudukan lebihan, iaitu kutipan hasil lebih tinggi berbanding keperluan perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

6.3. Pada tahun 2021, amaun pinjaman yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM62.317 bilion, iaitu lebih tinggi sejumlah RM13.746 bilion atau 28.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM48.571 bilion. Pada masa yang sama, pindahan kepada Kumpulan Wang Covid-19 adalah sebanyak RM38 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM20 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM38.020 bilion. Selain itu, premium bersih daripada terbitan Sekuriti Kerajaan yang berjumlah RM3.120 bilion telah dilaraskan keseluruhannya kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.

6.4. Peningkatan amaun pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM13.746 bilion tidak memberi kesan yang signifikan kepada perbelanjaan pembangunan yang berupaya menjana kesan pengganda ekonomi. Analisis Audit ini berdasarkan penggunaan dana pembangunan yang lebih tinggi bagi **membaiyai komitmen jaminan yang berjumlah RM9.647 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM4.519 bilion** atau 88.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM5.128 bilion. Selain itu, **sejumlah RM8.711 bilion dana pembangunan dibelanjakan kepada butiran projek atau program yang dikelaskan daripada perbelanjaan mengurus.**

6.5. Dana pembangunan turut digunakan untuk **pelunasan Liabiliti PFI sejumlah RM2.965 bilion**, iaitu berkurangan sejumlah RM0.172 bilion atau 5.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM3.137 bilion kesan daripada penstrukturran pinjaman. Ini menjadikan, **baki pindahan yang digunakan bagi tujuan projek dan program pembangunan adalah berjumlah RM40.994 bilion atau 65.8% sahaja berbanding 77.3% pada tahun 2020**. Perincian agihan terimaan pinjaman kasar dan penggunaannya bagi tujuan pembangunan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Carta 2.7**.

**CARTA 2.7
AGIHAN TERIMAAN PINJAMAN KASAR DAN PENGGUNAANNYA PADA TAHUN 2021**



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: OE - Perbelanjaan Mengurus; DE - Perbelanjaan Pembangunan

6.6. **Secara keseluruhannya, sejumlah RM126.376 bilion atau 58.2% daripada terimaan pinjaman kasar tahun 2021 yang berjumlah RM217.201 bilion digunakan untuk membiayai liabiliti Kerajaan** yang terdiri daripada bayaran prinsipal pinjaman matang sebanyak RM113.764 bilion serta pelunasan komitmen jaminan sebanyak RM9.647 bilion dan Liabiliti PFI sebanyak RM2.965 bilion. Trend ini meningkat berbanding dengan RM106.323 bilion atau 54.6% daripada terimaan pinjaman pada tahun 2020.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2021, baki Akaun Amanah Disatukan adalah RM66.080 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM11.849 bilion atau 21.8%

berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM54.231 bilion. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.25**.

JADUAL 2.25
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKNAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	31,041.53	22,722.75	8,318.78	36.6
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	23,071.85	20,072.17	2,999.68	14.9
3.	Akaun Deposit	11,966.16	11,435.76	530.40	4.6
JUMLAH		66,079.54	54,230.68	11,848.86	21.8

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

7.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan, manakala yang lain adalah bayaran langsung. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Covid-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.26**.

JADUAL 2.26
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(11,969.53)	(13,255.37)	1,285.84	9.7
2.	Kumpulan Wang Covid-19	291.76	0.76	291.00	38,289.5
3.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	42,719.30	35,977.35	6,741.95	18.7
JUMLAH		31,041.53	22,722.74	8,318.79	36.6

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

7.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan masih berbaki defisit berjumlah RM11.970 bilion tetapi berkurangan sebanyak RM1.285 bilion atau 9.7% berbanding baki defisit RM13.255 bilion pada tahun 2020. Caruman daripada Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumrah RM1.761 bilion atau 370.7% kepada RM2.236 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.475 bilion. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat sejumrah RM12.897 bilion atau 25.1% kepada RM64.257 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM51.360 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.27**.

JADUAL 2.27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki Pada 1 Januari	(13,255.37)	(24,700.42)	11,445.05	46.3
Terimaan :				
Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	2,235.70	474.71	1,760.99	371.0
Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	62,317.00	61,071.05	1,245.95	2.0
Terimaan Balik Pinjaman	975.03	1,180.12	(205.09)	(17.4)
Jualan Aset Modal	0.01	0.06	(0.05)	(83.3)
Pelbagai Terimaan	14.76	78.97	(64.21)	(81.3)
Jumlah Terimaan	65,542.50	62,804.91	2,737.59	4.4
Bayaran :				
Perbelanjaan Pembangunan	(64,256.66)	(51,359.86)	12,896.80	25.1
Lebihan	1,285.84	11,445.05		
Baki Pada 31 Disember	(11,969.53)	(13,255.37)	1,285.84	9.7

Sumber: Nota 7(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

b. Perbelanjaan Pembangunan

- i. Pada tahun 2021, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2021 bagi tujuan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM71 bilion. Dalam tempoh yang sama, sejumlah RM10.106 bilion waran sekatan telah dikenakan dan menjadikan peruntukan muktamad adalah berjumlah RM60.894 bilion. Amaun peruntukan ini meningkat sejumlah RM8.205 bilion atau 15.6% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM52.689 bilion. Prestasi perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM64.257 bilion atau 105.5% berbanding peruntukan. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM12.897 bilion atau 25.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM51.360 bilion. Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.28**.

JADUAL 2.28
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Peruntukan				
Anggaran Asal	71,000.00	58,000.00	13,000.00	22.4
(+) Pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka	-	125.23	(125.23)	(100.0)
(+) Pengurutan Semula Perbelanjaan Pembangunan	-	7,867.02	(7,867.02)	(100.0)
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(10,105.74)	(13,302.78)	(3,197.04)	(24.0)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	60,894.26	52,689.47	8,204.79	15.6
Perbelanjaan Sebenar	64,256.67	51,359.86	12,896.81	25.1
Peratus Perbelanjaan (%)	105.5	97.5		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 dan 2021

- ii. Sejumlah RM0.629 bilion atau 1% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM64.257 bilion adalah perbelanjaan yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar. Perbelanjaan ini melibatkan bayaran kepada empat projek seperti dalam **Jadual 2.29**.

JADUAL 2.29
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DALAM TEMPOH AKAUN KENA BAYAR

BIL.	KOD PROJEK	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM Juta)
1.	P10090002911003	Pindahan Modal Danainfra Sdn. Bhd. untuk Projek Mega Infrastruktur	608.00
2.	P33167005033202	Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Golok Fasa 1	13.31
3.	P33167005033201	Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1	6.89
4.	P27900002002021	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	1.25
JUMLAH			629.45

Sumber: Data iGFMAS

- iii. Peruntukan pembangunan tahun 2021 melibatkan pembiayaan bagi 661 kod projek. Kod projek P1009000 - Pelbagai Suntikan Modal mencatatkan perbelanjaan pembangunan tertinggi berjumlah RM12.616 bilion atau 19.6% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2021. Perbelanjaan tersebut meningkat sejumlah RM4.336 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM8.280 bilion. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh pengelasan daripada perbelanjaan mengurus bayaran komitmen kewangan syarikat Govco Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.728 bilion dan penyaluran peruntukan yang lebih tinggi kepada syarikat Danainfra Nasional Berhad berjumlah RM3.718 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.337 bilion. Selain itu, Kementerian Kewangan juga mula menyalurkan geran perbelanjaan pembangunan kepada syarikat Prasarana Malaysia Berhad yang berjumlah RM1.221 bilion.

iv. Pengelasan Daripada Perbelanjaan Mengurus Kepada Perbelanjaan Pembangunan

Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM64.257 bilion adalah sejumlah RM8.711 bilion yang merupakan pengelasan daripada perbelanjaan mengurus. Amaun perbelanjaan ini meningkat sebanyak RM5.935 bilion atau 213.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.776 bilion. Pengelasan perbelanjaan ini melibatkan 41 kod projek pembangunan di 11 kementerian. Pengelasan perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM4.366 bilion serta Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan berjumlah RM1.404 bilion. Ringkasan bilangan projek mengikut kementerian dan jabatan yang terlibat dalam pengelasan perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan adalah seperti dalam **Jadual 2.30**.

JADUAL 2.30
SENARAI PROJEK MELIBATKAN PENGELASAN PERBELANJAAN TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	BIL. PROJEK	AMAUN (RM Juta)
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia	3	4,366.06
2.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3	1,404.23
3.	Jabatan Perkhidmatan Awam	1	848.23
4.	Kementerian Pendidikan Malaysia	9	512.26
5.	Kementerian Kerja Raya	5	432.67
6.	Kementerian Dalam Negeri	3	328.58
7.	Kementerian Pertahanan	2	279.46
8.	Kementerian Pengangkutan	5	230.63
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	6	152.36
10.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	3	136.39
11.	Kementerian Wilayah Persekutuan	1	20.00
JUMLAH		41	8,710.87

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan dan Laporan Prestasi Belanjawan Perbelanjaan Mengurus

v. Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Sejumlah RM1.79 juta peruntukan yang disediakan bagi empat projek tidak dibelanjakan pada tahun 2021. Peruntukan tertinggi yang tidak dibelanjakan adalah Projek Pembangunan Valuer Information System, iaitu berjumlah RM1.16 juta. Perincian peruntukan pembangunan yang tidak dibelanjakan adalah seperti dalam **Jadual 2.31**.

JADUAL 2.31
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN

BIL.	BUTIRAN	PERIHAL	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)
1.	Kementerian Kewangan	Pembangunan Valuer Information System	Pihak vendor masih gagal menyiapkan projek mengikut masa yang telah ditetapkan.	1.16
2.	Kementerian Pengajian Tinggi	Bahagian Kebajikan Pelajar Luar Negara	Pelaksanaan projek dikaji semula kerana anggaran kos lebih tinggi berbanding peruntukan.	0.30
3.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Kawalan Barang dan Subsidi	Urusan perolehan perunding tergendala bagi melaksanakan kajian sewaktu tempoh PKP.	0.20
4.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Kajian-kajian Pelancongan	Pembatalan tender asal dan proses perolehan dilaksanakan semula.	0.13
JUMLAH				1.79

Sumber: Lampiran 2, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

vi. Perbelanjaan Kurang 50 Peratus Daripada Peruntukan

Sebanyak empat projek telah berbelanja kurang 50% daripada peruntukan yang disediakan. Peruntukan yang disediakan adalah berjumlah RM5.63 juta, namun perbelanjaan direkodkan hanya RM2.26 juta atau 40.1%. Senarai projek dengan prestasi perbelanjaan kurang 50% berbanding peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 2.32**.

JADUAL 2.32
SENARAI PROJEK BERBELANJA
KURANG 50 PERATUS DARIPADA PERUNTUKAN

BIL.	BUTIRAN	MAKSUD PERBELANJAAN	PERBELANJAAN		
			ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR	
			RM JUTA	%	
1.	Kementerian Alam Sekitar dan Air	Bahagian Konservasi dan Pemuliharaan Alam Sekitar	3.61	1.42	39.3
2.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	Pembangunan Industri Padi	1.16	0.57	49.1
3.	Kementerian Sumber Manusia	Pusat Latihan Teknologi Tinggi Jerantut	0.36	0.11	30.6
4.	Kementerian Luar Negeri	Tanah dan Kerja Awalan	0.50	0.16	32.0
JUMLAH			5.63	2.26	40.1

Sumber: Lampiran 2, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

Pernyataan Audit | **Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal. Pembiayaan ini menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi. Selain itu, peruntukan yang telah diluluskan tetapi tidak dibelanjakan sepenuhnya telah menyebabkan Kerajaan masih perlu membayar kos pinjaman bagi membiayai peruntukan tersebut.**

7.1.2. Kumpulan Wang Covid-19

a. Penubuhan Kumpulan Wang Covid-19

- Kumpulan Wang Covid-19 telah ditubuhkan berkuat kuasa pada 27 Oktober 2020 di bawah Subseksyen 4(1) Akta Langkah-Langkah Sementara

bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (Covid-19)) 2020 [*Akta 830*] dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua, Akta Tatacara Kewangan 1957.

- ii. Kumpulan Wang ini ditubuhkan untuk memperakaunkan wang yang diperdapat di bawah Subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan mana-mana wang yang diterima di bawah Subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 bagi tujuan perbelanjaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi di bawah Jadual Seksyen 5, Akta 830.
- iii. Had pembiayaan asal Kumpulan Wang Covid-19 adalah berjumlah RM45 bilion. Pada 17 November 2021, had pembiayaan ini telah dinaikkan kepada RM110 bilion melalui pewartaan Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019(Covid-19))(Pindaan) 2021 [*Akta A1635*]. Pertambahan had pembiayaan ini bertujuan membiayai empat pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tahun 2021 yang diumumkan Kerajaan dengan amaun keseluruhan berjumlah RM225 bilion. Pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang tertinggi pada tahun 2021 adalah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH) dengan peruntukan sejumlah RM150 bilion. Senarai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.33**.

JADUAL 2.33
SENARAI PAKEJ BANTUAN DAN RANGSANGAN EKONOMI TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	TARIKH KUAT KUASA PELAKSANAAN	AMAUN (RM Bilion)
1.	Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)	18 Januari 2021	15
2.	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)	17 Mac 2021	20
3.	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+)	31 Mei 2021	40
4.	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH)	28 Jun 2021	150
JUMLAH			225

Sumber: Kementerian Kewangan

b. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19

- i. Pada tahun 2021, perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19 adalah berjumlah RM37.711 bilion atau 96.7% berbanding amaun peruntukan diluluskan yang berjumlah RM39 bilion. Amaun perbelanjaan tahun 2021 adalah berkurangan sebanyak RM308.22 juta atau 0.8% berbanding RM38.019 bilion pada tahun 2020. Perbelanjaan bagi 10 program tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 2.34**.

JADUAL 2.34
PERBELANJAAN BAGI 10 PROGRAM TERTINGGI KUMPULAN WANG COVID-19

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	00200	Bantuan Prihatin Nasional	15,892.99	16,157.00	(264.01) (1.6)
2.	00100	Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan, Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan	8,972.87	12,960.00	(3,987.13) (30.8)
3.	00600	Geran PRIHATIN PKS	3,439.65	2,551.53	888.12 34.8
4.	01900	Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas	2,810.83	96.93	2,713.90 2,800.0
5.	00800	Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	2,685.99	791.15	1,894.84 239.5
6.	00300	Projek Berskala Kecil	1,413.61	2,910.00	(1,496.39) (51.4)
7.	01300	Diskaun Bil Elektrik	489.50	177.53	311.97 175.7
8.	01100	Dana PENJANA Nasional	290.00	310.00	(20.00) (6.5)
9.	00700	Pinjaman Mikro Kredit	283.53	500.00	(216.47) (43.3)
10.	00400	Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	281.94	337.62	(55.68) (16.5)
JUMLAH		36,560.91	36,791.76	(230.85)	(0.6)

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- ii. Perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan pemberian tunai, subsidi dan geran kepada golongan sasar. Perbelanjaan ini meliputi program Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan, Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan serta Geran PRIHATIN PKS yang berjumlah RM28.306 bilion atau 75.1% daripada jumlah perbelanjaan tahun 2021.
- iii. Pada tahun 2021, terdapat peningkatan perbelanjaan bagi program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas, Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 dan Diskaun Bil Elektrik berbanding tahun 2020.

iv. Perbelanjaan Program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas

- Pada tahun 2021, sejumlah RM2.811 bilion telah dibelanjakan, iaitu meningkat sejumlah RM2.714 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM96.93 juta. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh pelaksanaan 20 subprogram berbanding empat subprogram pada tahun 2020. Perbelanjaan bantuan tertinggi adalah subprogram Bantuan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak, Jaringan Prihatin dan Bantuan Kehilangan Pendapatan.

- Perbelanjaan bagi Bantuan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak berjumlah RM1.186 bilion merupakan subsidi bagi minyak masak botol. Ini berbeza dengan perbelanjaan di bawah peruntukan mengurus sejumlah RM0.976 bilion yang merupakan subsidi bagi minyak masak yang dipaket di dalam polibeg 1kg. Subsidi ini diberikan bagi mengurangkan beban kos sara hidup pengguna berikutan kenaikan harga komoditi buah sawit di pasaran.
- Program Jaringan Prihatin bertujuan membantu golongan B40 mendapatkan akses internet secara percuma terutamanya bagi kegunaan pendidikan secara dalam talian. Program ini melibatkan subsidi pelan data internet berjumlah RM180 dan subsidi peranti pintar secara *one-off* dengan jumlah antara RM180 hingga RM300 bagi penerima Bantuan Prihatin Rakyat yang memenuhi syarat kelayakan. Sebanyak 12 syarikat telekomunikasi yang mengambil bahagian dalam program ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM600 juta.
- Bantuan Kehilangan Pendapatan diumumkan oleh Kerajaan dalam Pakej PEMULIH. Sejumlah RM434 juta telah disalurkan dengan agihan sebanyak RM500 seorang kepada hampir 870 ribu individu yang telah hilang pendapatan pada tahun 2021.

v. Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19

Sejumlah RM2.686 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2021, iaitu meningkat sejumlah RM1.895 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM791.15 juta untuk membiayai perbelanjaan berkaitan Covid-19 yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Jenis perbelanjaan mengikut kementerian dan agensi adalah seperti dalam **Jadual 2.35** dan perbelanjaan tertinggi mengikut subprogram adalah seperti dalam **Jadual 2.36**.

JADUAL 2.35
JENIS PERBELANJAAN MENGIKUT KEMENTERIAN/AGENSI

BIL.	BUTIRAN	JENIS PERBELANJAAN
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran bagi kit ujian RT-PCR, kit ujian RTK-Ag, bekalan perubatan kesihatan dan pergigian. Pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) berkaitan aspek kesihatan.
2.	Agensi Pengurusan Bencana Negara	Kos pengurusan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), penyaluran peruntukan Bantuan Wang Ihsan bagi mangsa bencana, perolehan bagi bekalan <i>hand sanitizers</i> , <i>face masks</i> , <i>coverall</i> dan <i>gloves</i> bagi kegunaan petugas barisan hadapan dan bayaran perkhidmatan SMS MySejahtera.
3.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	Pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) meliputi penyaluran peruntukan kepada Negeri, sewaan, logistik dan eluan sukarelawan.

BIL.	BUTIRAN	JENIS PERBELANJAAN
4.	Hospital Pengajar Universiti	Penyaluran peruntukan bagi membantu hospital-hospital pengajar yang terlibat dengan kuarantin dan rawatan pesakit Covid-19; serta perolehan peralatan, bekalan ujian makmal dan ubat-ubatan.
5.	Hospital Angkatan Tentera Malaysia	Pembelian peralatan, kenderaan ambulans dan perbelanjaan lain bagi membantu hospital-hospital angkatan tentera yang terlibat dengan kuarantin dan rawatan pesakit Covid-19.

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

JADUAL 2.36
PERBELANJAAN TERTINGGI MENGIKUT SUBPROGRAM

BIL.	BUTIRAN	PERBELANJAAN (RM Juta)
1.	Peruntukan Kepada KKM Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	1,427.16
2.	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - Vaksin KKM	602.89
3.	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - NADMA	328.41
4.	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - MOSTI	177.54
5.	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - Hospital Pengajar Universiti	130.00
6.	Peruntukan Bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 - Hospital Angkatan Tentera Malaysia	20.00
JUMLAH		2,686.00

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

vi. Diskaun Bil Elektrik

Pada tahun 2021, sejumlah RM489.50 juta telah dibelanjakan bagi tujuan subsidi bil elektrik, iaitu meningkat sejumlah RM311.97 juta atau 175.7% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM177.53 juta. Pembayaran diskaun tersebut melibatkan pembayaran kepada pembekal perkhidmatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

7.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2021, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM42.719 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM6.742 bilion atau 18.7% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM35.977 bilion. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2021 berbanding 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.37**.

JADUAL 2.37
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING AKHIR TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Akaun Penyelesaian	17,584.18	11,116.22	6,467.96	58.2
2.	Akaun Perniagaan	155.55	156.97	(1.42)	(0.9)
3.	Akaun Pinjaman	3,685.70	2,985.56	700.14	23.5
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	1,500.00	1,500.00	-	-
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	19,793.87	20,218.60	(424.73)	(2.1)
JUMLAH		42,719.30	35,977.35	6,741.95	18.7

Sumber: Nota 7(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- b. Akaun Penyelesaian adalah berbaki RM17.584 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM6.468 bilion atau 58.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM11.116 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaan perbelanjaan dalam tempoh Akaun Kena Bayar yang berjumlah RM6.620 bilion dan premium bersih daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan yang meningkat sejumlah RM1.320 bilion.
- c. Termasuk dalam Akaun Penyelesaian adalah Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan yang berjumlah RM10.904 bilion. Pada tahun 2021, **premium bersih daripada terbitan Sekuriti Kerajaan yang berjumlah RM3.120 bilion telah dilaraskan keseluruhannya kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan**. Polisi Kerajaan menetapkan pindahan amaun terkumpul daripada Akaun Penyelesaian ke Akaun Hasil Disatukan boleh dilaksanakan sekiranya kutipan hasil diunjur berkurangan sebanyak 10% berbanding anggaran tahunan; atau peratusan perbelanjaan kerana hutang (Vot T13) melebihi 15% berbanding kutipan hasil. Amaun pindahan yang dibenarkan adalah terhad sehingga 80% daripada baki Akaun Penyelesaian. **Sejumlah RM1.800 bilion atau 57.7% daripada premium bersih yang berjumlah RM3.120 bilion telah diiktiraf sebagai Hasil Bukan Cukai dan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan. Perkara ini berbeza dengan prinsip pengiktirafan hasil asas tunai ubah suai, iaitu pada tahun hasil diterima.**
- d. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM19.794 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM0.425 bilion atau 2.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM20.219 bilion. Sebanyak tiga kumpulan wang merekodkan perubahan baki yang ketara, iaitu Kumpulan Wang Amanah

Negara, Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Tabung Bayaran Balik Cukai. Perincian lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.38**.

JADUAL 2.38
PELBAGAI KUMPULAN WANG
DENGAN PERUBAHAN BAKI YANG KETARA TAHUN 2021


BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	JUSTIFIKASI
1.	Tabung Bayaran Balik Cukai	2,181.01	167.29	2,013.72	Peruntukan untuk pembayaran balik cukai berjumlah RM1.960 bilion diterima pada 31 Disember 2021.
2.	Kumpulan Wang Amanah Negara	15,291.31	18,294.24	(3,002.93)	Sejumlah RM4.088 bilion dana amanah telah digunakan bagi membiayai perbelanjaan berkaitan vaksin untuk Covid-19.
3.	Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	255.83	103.24	152.59	Terima caruman daripada Kumpulan Wang Disatukan yang lebih tinggi pada tahun 2021 berjumlah RM283 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM150 juta.
JUMLAH		17,728.15	18,564.77	(836.62)	

Sumber: Laporan Akaun Amanah Mengikut Kod Akaun

e. Pendahuluan Diri Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- i. Bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) perlu dibuat dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh kementerian atau jabatan.
- ii. Pada tahun 2021, baki pendahuluan diri AP59 adalah berjumlah RM17.68 juta. Kedudukan baki pendahuluan diri AP59 berkurangan sejumlah RM102.91 juta atau 85.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM120.59 juta. Pengurangan ini sebahagian besarnya disebabkan pengemaskinian Pekeliling Perbendaharaan – WP 10.2 yang mana kelulusan pelarasan pendahuluan diri AP59 diberikan serentak dengan kelulusan pendahuluan diri AP59. Kedudukan pendahuluan diri AP59 bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 2.8**.

CARTA 2.8
KEDUDUKAN PENDAHULUAN DIRI AP59
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Laporan Akaun Amanah Mengikut Kod Akaun dan Daftar AP59 Kementerian/Jabatan

- iii. Pada tahun 2021, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 35 pendahuluan diri AP59 berjumlah RM178.35 juta. Kelulusan ini melibatkan perolehan bekalan dan perkhidmatan di 13 Kementerian. Amaun kelulusan ini adalah lebih tinggi sejumrah RM111.83 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM66.52 juta. Setakat 31 Disember 2021, amaun bayaran yang telah dijelaskan kepada pembekal adalah berjumlah RM177.76 juta atau 99.7%. Ringkasan kelulusan pendahuluan diri AP59 dan bayaran AP59 yang dijelaskan pada tahun 2021 mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti dalam **Jadual 2.39**.

JADUAL 2.39
KELULUSAN PENDAHULUAN DIRI AP59 DAN BAYARAN
MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	BIL. KES	KELULUSAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)
1.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2	134.30	134.26
2.	Kementerian Kerja Raya	2	24.77	24.77
3.	Kementerian Pertahanan	1	7.53	7.53
4.	Kementerian Dalam Negeri	13	4.93	4.38
5.	Kementerian Pengangkutan	1	4.71	4.71
6.	Kementerian Pendidikan Malaysia	3	0.56	0.56
7.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2	0.50	0.50
8.	Jabatan Perdana Menteri	3	0.48	0.48
9.	Kementerian Luar Negeri	1	0.18	0.18
10.	Kementerian Kewangan	1	0.16	0.16
11.	Kementerian Kesihatan Malaysia	3	0.15	0.15

BIL.	BUTIRAN	BIL. KES	KELULUSAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)
12.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1	0.05	0.05
13.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	2	0.03	0.03
	JUMLAH	35	178.35	177.76

Sumber: Dokumen dan Daftar AP59 Kementerian/Jabatan

- iv. Bayaran AP59 tertinggi direkodkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM134.26 juta atau 75.5% dan Kementerian Kerja Raya (KKR) yang berjumlah RM24.77 juta atau 13.9%. Butiran bayaran AP59 di KPkt dan KKR adalah seperti dalam **Jadual 2.40**.

JADUAL 2.40
BUTIRAN BAYARAN AP59 DI KPKT DAN KKR TAHUN 2021

BIL.	PERIHAL BAYARAN	TARIKH KELULUSAN	AMAUN (RM Juta)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan			
1.	Bayaran Projek-projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan - Program BP.1, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) - FASA 1 & 2	17.02.2021	131.45
2.	Bayaran Projek-projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan - Program BP.1, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) - FASA 3	03.03.2021	2.81
Kementerian Kerja Raya			
3.	Pembayaran Perkhidmatan dan Perundingan Kajian Pelaksanaan Performance Based Contract kepada Perunding	11.01.2021	7.90
4.	Bayaran Muktamad kepada Kontraktor Konsesi 27 Lorong Memotong di Jalan Persekutuan Utama di Negeri Sarawak (Dari Kuching - Serian - Seri Aman - Sarikei - Sibu - Bintulu - Miri)	03.11.2021	16.87
JUMLAH			159.03

Sumber: Dokumen dan Daftar AP59 Kementerian/Jabatan

7.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

7.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Am dan Akaun Amanah Khas. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Amanah Am adalah berjumlah RM19.633 bilion, iaitu meningkat sejumlalh RM2.973 bilion atau 17.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM16.660 bilion. Kumpulan Wang Amanah Khas pula berbaki sejumlalh RM3.439 bilion, iaitu meningkat sejumlalh RM0.026 bilion atau 0.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM3.413 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.41**.

JADUAL 2.41
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Amanah Am	19,633.28	16,659.51	2,973.77	17.9
2.	Amanah Khas	3,438.57	3,412.66	25.91	0.8
JUMLAH		23,071.85	20,072.17	2,999.68	14.9

Sumber: Nota 7(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

7.2.2. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset

- a. AAMKA ditubuhkan pada 14 Disember 2018 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk mengakaunkan terimaan dana daripada aktiviti mendapatkan kembali aset berkaitan syarikat 1MDB dari dalam atau luar negara, keuntungan daripada pertukaran mata wang, serta faedah dan dividen dari pelaburan simpanan tetap. Wang daripada akaun amanah ini antaranya digunakan untuk membayar hutang syarikat 1MDB, menampung kos operasi syarikat dan akaun amanah, serta pelaburan simpanan tetap. **Akaun Amanah ini berbaki RM15.281 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM3.804 bilion atau 33.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM11.477 bilion.**
- b. Pada tahun 2021, terimaan keseluruhan direkodkan berjumlah RM4.615 bilion. Terimaan utama adalah hasil penyelesaian global yang dimeterai antara syarikat Ambank Berhad berjumlah RM2.315 bilion dan Firma Audit Deloitte berjumlah RM0.333 bilion. Selain itu, sejumlah RM1.885 bilion diterima daripada Jabatan Keadilan Amerika Syarikat yang merupakan pemulangan dana berkaitan syarikat 1MDB yang dilupus hak atau diserah secara sukarela.
- c. **Sejumlah RM1.241 bilion telah digunakan untuk pelunasan komitmen bayaran faedah dan sukuk yang dijamin oleh Kerajaan.** Pada masa yang sama, dana sejumlah RM15.279 bilion telah dilaburkan dalam simpanan tetap bertempoh matang dari tiga hingga melebihi 12 bulan. Terimaan faedah pelaburan simpanan tetap terkumpul adalah berjumlah RM3.48 juta.

7.2.3. Akaun Amanah Bencana

- a. Akaun Amanah Bencana ditubuhkan untuk membaik pulih infrastruktur dan kemudahan awam yang musnah atau rosak akibat bencana yang berlaku dalam

negara serta memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana yang berlaku dalam negara sama ada dalam bentuk kewangan atau kebajikan.

- b. Pada tahun 2021, Akaun Amanah merekodkan terimaan berjumlah RM458.75 juta, iaitu meningkat sejumlah RM458.67 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.08 juta. Sebahagian besar sumbangan diterima daripada syarikat korporat berjumlah RM402 juta. Selain itu, sumbangan turut diterima daripada Menteri dan Penjawat Awam melalui potongan gaji yang berjumlah RM36.91 juta. Sumbangan daripada orang awam pula adalah berjumlah RM19.16 juta.
- c. Perbelanjaan Akaun Amanah adalah berjumlah RM268.70 juta. Perbelanjaan melibatkan pemberian sumbangan kepada Yayasan Hasanah, peruntukan kepada Hospital Pengajar Universiti dan pembiayaan perbelanjaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Perincian perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 2.42**.

**JADUAL 2.42
PERBELANJAAN AKAUN AMANAH BENCANA TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Pemberian mengurus kepada Yayasan Hasanah bagi membiayai Inisiatif CERDIK	100.00
2.	Penyaluran peruntukan bagi menampung keperluan pengendalian kes Covid-19 di Hospital Pengajar Universiti	20.00
3.	Perbelanjaan Kementerian Kesihatan Malaysia: - perkhidmatan rawatan secara penyumberluaran bagi pesakit selain Covid-19 kepada hospital swasta; - perkhidmatan saintifik dan penyelidikan oleh makmal swasta; dan - Home Quarantine Monitoring System	148.70
JUMLAH		268.70

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Bencana Tahun 2021

7.3. Akaun Deposit

7.3.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Tak Dituntut, Wang Jaminan Pelaksanaan, Deposit Mahkamah Tinggi dan Deposit Imigresen. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu.

7.3.2. Pada tahun 2021, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM11.836 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.533 bilion atau 4.7% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM11.303 bilion. Deposit Pelarasan pula adalah berbaki sejumlah RM129.73 juta, iaitu berkurangan sejumlah RM2.69 juta

atau 2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM132.42 juta. Ini menjadikan keseluruhan 85 Akaun Deposit adalah berbaki RM11.966 bilion dengan peningkatan sebanyak RM0.530 bilion atau 4.6% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM11.436 bilion. Kedudukan Akaun Deposit pada 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.43**.

JADUAL 2.43
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA 31 DISEMBER 2021

BIL.	BUTIRAN	BIL. AKAUN	TAHUN 2021	TAHUN 2020	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	RM JUTA	%
Deposit Am						
1.	Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	1	7,476.49	7,091.48	385.01	5.4
2.	Wang Jaminan Pelaksanaan	1	1,802.43	1,747.12	55.31	3.2
3.	Deposit Mahkamah Tinggi	1	1,225.62	1,229.49	(3.88)	(0.3)
4.	Deposit Imigresen	1	391.90	296.34	95.56	32.2
5.	Deposit Cagaran	1	224.70	81.75	142.95	174.9
6.	Pelbagai Deposit Am	63	715.29	857.15	(141.86)	(16.6)
Jumlah Deposit Am		68	11,836.43	11,303.34	533.09	4.7
Deposit Pelarasan						
7.	Pindahan Dana Elektronik Terbatal	1	62.08	63.29	(1.21)	(1.9)
8.	Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	1	46.10	34.24	11.86	34.6
9.	Deposit Pembatalan Pencen Skim B	1	6.55	15.34	(8.79)	(57.3)
10.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal – JPA	1	4.43	9.34	(4.91)	(52.6)
11.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal – JHEV	1	4.55	4.38	0.17	3.9
12.	Pelbagai Deposit Pelarasian	12	6.02	5.83	0.19	3.3
Jumlah Deposit Pelarasian		17	129.73	132.42	(2.69)	(2.0)
JUMLAH KESELURUHAN		85	11,966.16	11,435.76	530.40	4.6

Sumber: Laporan Akaun Amanah Mengikut Pegawai Pengawal dan Laporan Akaun Amanah Mengikut Kod Akaun


8. WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR

8.1. Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) adalah bayaran pendahuluan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian dan Jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan ini yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek.

8.2. WPK yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum dilaraskan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM995.06 juta, iaitu meningkat sejumlah RM317.16 juta atau 46.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM677.90 juta. Sepanjang tahun 2021, sejumlah RM464.96 juta bayaran

pendahuluan telah diluluskan melibatkan 79 perolehan. Kedudukan WPK bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.9**.

CARTA 2.9
KEDUDUKAN BAKI
WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Nota 12, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

9.1. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Akaun Belum Terima dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Persekutuan, Liabiliti PFI, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

9.2. Pada tahun 2021, kedudukan Aset Persekutuan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset adalah berjumlah RM146.907 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM7.293 bilion atau 5.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM139.614 bilion. Liabiliti Persekutuan juga meningkat sejumrah RM111.026 bilion atau 9.4% daripada RM1.187 trilion pada tahun 2020 kepada RM1.298 trilion pada tahun 2021. Kedudukan Aset Persekutuan dan Liabiliti Persekutuan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.44**.

JADUAL 2.44
KEDUDUKAN ASET PERSEKUTUAN
DAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	RM BILION	%
MEMORANDUM ASET					
1.	Akaun Belum Terima	113.045	106.423	6.622	6.2
2.	Pelaburan	33.862	33.191	0.671	2.0
JUMLAH ASET		146.907	139.614	7.293	5.2
MEMORANDUM LIABILITI					
3.	Hutang Persekutuan	979.814	879.560	100.254	11.4
4.	Liabiliti PFI	35.574	37.034	1.460	3.9
5.	Komitmen Kewangan	282.276	270.023	12.253	4.5
6.	Pelbagai Liabiliti	0.151	0.172	(0.021)	(12.5)
JUMLAH LIABILITI		1,297.815	1,186.789	111.026	9.4

Sumber: Nota 9 dan 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

9.3. Memorandum Aset

Pada tahun 2021, Aset Persekutuan yang terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan adalah berjumlah RM146.907 bilion. Kedudukan Aset Persekutuan meningkat sebanyak RM7.293 bilion atau 5.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM139.614 bilion. Peningkatan utama melibatkan Akaun Belum Terima.

9.3.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima yang wujud daripada peristiwa lampau berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. ABT terdiri daripada pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut serta Pelbagai ABT. Secara keseluruhannya, kedudukan ABT pada tahun 2021 adalah berjumlah RM113.045 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM6.622 bilion atau 6.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM106.423 bilion.

a. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

- i. Pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut merupakan pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi, pelbagai agensi dan perseorangan. Pada tahun 2021, pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut adalah berjumlah RM57.846 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM1.055 bilion atau 1.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM58.901 bilion. Kedudukan pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut mengikut kategori

peminjam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.45**, manakala ringkasan transaksi pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.46**.

JADUAL 2.45
KEDUDUKAN PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Syarikat	34,613.17	33,471.48	1,141.69	3.4
2.	Kerajaan Negeri	14,218.97	15,979.10	(1,760.13)	(11.0)
3.	Badan Berkanun	6,963.13	7,120.41	(157.28)	(2.2)
4.	Pelbagai Agensi	1,523.84	1,687.49	(163.65)	(9.7)
5.	Koperasi	237.27	237.27	-	-
6.	Perseorangan	153.43	261.76	(108.33)	(41.4)
7.	Pihak Berkua Tempatan	136.24	143.18	(6.94)	(4.8)
JUMLAH		57,846.05	58,900.69	(1,054.64)	(1.8)

Sumber: Nota 9(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

JADUAL 2.46
TRANSAKSI PINJAMAN DAN
PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2021

BIL.	RINGKASAN TRANSAKSI	BIL. PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
Baki Belum Selesai Pada 1 Januari 2021			58,900.69
1.	Pengeluaran Pinjaman	65	2,024.07
2.	Faedah Dipermodal	15	199.06
3.	Hapus Kira Diluluskan	33	(701.50)
4.	Terima Bayaran Balik Pinjaman:		
	Tunai	428	(1,900.37)
	Set Off Pemberian	11	(175.63)
5.	Pelunasan Pinjaman Kepada Aset	1	(503.17)
6.	Keuntungan Tukaran Mata Wang Asing	3	2.90
BAKI BELUM SELESAI PADA 31 DISEMBER 2021			57,846.05

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

- ii. Pada 9 Jun 2021, Perjanjian Pengambilalihan Pinjaman telah dimuktamadkan antara syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dengan Kerajaan Persekutuan. Melalui perjanjian tersebut, PAAB mengambil alih baki pinjaman Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM1.072 bilion dan syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. berjumlah RM0.537 bilion. Kesan daripada perjanjian ini menyebabkan peningkatan amaun pinjaman PAAB dan pengurangan baki pinjaman pihak selainnya.
- iii. Pada 24 Mei 2021, Kerajaan telah menandatangani perjanjian penyelesaian sebahagian pinjaman syarikat Cyberview Sdn. Bhd. secara bukan tunai.

Sebahagian pinjaman syarikat yang berjumlah RM0.503 bilion telah dilunaskan dengan penyerahan Hospital Cyberjaya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 Jun 2021.

iv. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

- Pekeling Perbendaharaan - WP10.6 mentafsirkan tunggakan sebagai amaun ABT yang melampaui tempoh matang yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pelbagai agensi dan koperasi mendapati **451 atau 44.3% daripada 1,019 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 41 tahun.**
- Tunggakan pinjaman pada tahun 2021 berkurangan sejumlah RM0.174 bilion atau 1.4% kepada RM11.959 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM12.133 bilion. Tunggakan pinjaman tertinggi melibatkan peminjam kategori syarikat berjumlah RM7.206 bilion dengan 89 pinjaman. Kedudukan tunggakan pinjaman mengikut kategori peminjam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.47.**

JADUAL 2.47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN PINJAMAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TUNGGAKAN PINJAMAN					PERUBAHAN	
		BIL.	TEMPOH (Tahun)	TAHUN 2021 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	RM JUTA	%	
1.	Syarikat*	89	1 - 15	7,205.79	6,918.60	287.19	4.2	
2.	Kerajaan Negeri*	341	1 - 41	4,227.95	4,357.80	(129.85)	(3.0)	
3.	Badan Berkanun	9	3 - 31	420.14	418.86	1.28	0.3	
4.	Koperasi	10	5 - 41	90.45	71.94	18.51	25.7	
5.	Pelbagai Agensi	2	1 - 11	14.17	366.09	(351.92)	(96.1)	
JUMLAH/TEMPOH		451	1 - 41	11,958.50	12,133.29	(174.79)	(1.4)	

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

Nota: * Tidak termasuk tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM173.51 juta, Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM168.80 juta, Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM608.81 juta dan M.Y. Ikan Sdn. Bhd. berjumlah RM9 juta yang telah diluluskan untuk hapus kira

- Termasuk dalam 451 pinjaman yang tertunggak adalah sebanyak **219 pinjaman berjumlah RM6.683 bilion yang tidak pernah dibuat bayaran balik sejak Jadual Bayaran Balik berkuat kuasa.** Tunggakan tertinggi melibatkan peminjam kategori syarikat berjumlah RM4.552 bilion. Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

mempunyai tunggakan tertinggi yang belum dibuat sebarang bayaran melibatkan tiga pinjaman yang berjumlah RM1.670 bilion. Kedudukan tunggakan yang tidak pernah dibuat bayaran balik mengikut kategori peminjam adalah seperti **Jadual 2.48**.

JADUAL 2.48
KEDUDUKAN TUNGGAKAN PINJAMAN YANG
TIDAK PERNAH DIBUAT BAYARAN BALIK PADA TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	BIL. PEMINJAM	BIL. PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	TAHUN JADUAL BAYARAN BALIK BERKUAT KUASA
1.	Syarikat	11	44	4,551.89	2007 – 2021
2.	Kerajaan Negeri	8	167	2,121.43	1981 – 2021
3.	Koperasi	1	8	9.24	1981 – 1987
JUMLAH		20	219	6,682.56	1981 - 2021

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

- Termasuk dalam 451 pinjaman tertunggak juga adalah sebanyak 85 pinjaman berjumlah RM5.475 bilion yang telah tamat tempoh bayaran balik. Peminjam kategori syarikat mempunyai tunggakan 25 pinjaman yang melebihi tempoh bayaran balik berjumlah RM4.254 bilion. Syarikat dengan tunggakan tertinggi adalah Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. melibatkan satu pinjaman bagi Projek Pembentungan Kebangsaan berjumlah RM1.417 bilion. Kedudukan tunggakan pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik mengikut kategori peminjam adalah seperti dalam **Jadual 2.49**.

JADUAL 2.49
KEDUDUKAN TUNGGAKAN PINJAMAN
YANG TELAH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK PADA TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	BIL. PEMINJAM	BIL. PINJAMAN	AMAUN* (RM Juta)	TEMPOH PINJAMAN TAMAT (Tahun)
1.	Syarikat	17	25	4,253.89	1 – 14
2.	Kerajaan Negeri	8	44	814.09	1 - 25
3.	Badan Berkanun	2	6	386.69	9 - 18
4.	Koperasi	1	9	9.55	23 – 38
5.	Pelbagai Agensi	1	1	11.10	4
JUMLAH		29	85	5,475.32	1 - 38

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan

Nota: * Tunggakan adalah termasuk prinsipal, faedah dipermodalkan dan faedah bagi pinjaman dalam dan luar negeri

v. Hapus Kira Pinjaman

- Pada tahun 2021, sebanyak 35 pinjaman melibatkan tiga peminjam yang berjumlah RM0.783 bilion telah diluluskan hapus kira dan dibuat pelarasannya. Hapus kira amaun prinsipal bagi 33 pinjaman berjumlah

RM0.702 bilion melibatkan Kerajaan Negeri Kedah, manakala sejumlah RM0.081 bilion merupakan faedah lewat yang telah dikenakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan syarikat Cyberview Sdn. Bhd. Kesemua pinjaman berkenaan dibiayai menggunakan sumber Kumpulan Wang Pembangunan. Perincian pinjaman yang telah diluluskan hapus kira dalam tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.50**.

JADUAL 2.50
PINJAMAN YANG TELAH DILULUSKAN HAPUS KIRA PADA TAHUN 2021

BIL.	PEMINJAM	BIL. PINJAMAN	HAPUS KIRA (RM Juta)		
			PRINSIPAL	FAEDAH LEWAT	JUMLAH
1.	Kerajaan Negeri Kedah	33	701.49	-	701.49
2.	Kerajaan Negeri Sarawak	1	-	9.70	9.70
3.	Cyberview Sdn. Bhd.	1	-	71.75	71.75
JUMLAH		35	701.49	81.45	782.94

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira

- Pada masa yang sama, Kerajaan masih belum membuat pelarasan hapus kira bagi 13 pinjaman yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan Lain berjumlah RM3.059 bilion yang melibatkan lima peminjam. Hapus kira ini telah diluluskan sejak tahun 2011. Peruntukan hapus kira telah disediakan dalam Belanjawan Tahun 2021 yang berjumlah RM60 juta, namun ianya telah dibuat pindah peruntukan (viremen) untuk perbelanjaan bagi program-program lain. Senarai hapus kira pinjaman yang masih belum dibuat pelarasan adalah seperti dalam **Jadual 2.51**.

JADUAL 2.51
**PINJAMAN YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN HAPUS KIRA
SEJAK TAHUN 2011 TETAPI MASIH BELUM DIBUAT PELARASAN**

BIL.	PEMINJAM	BIL. PINJAMAN	AMAUN (RM Juta)	TARIKH KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN
1.	Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	4	2,667.98	19.10.2011 dan 18.12.2015
2.	Kerajaan Negeri Melaka	6	173.51	27.04.2020 dan 05.02.2020
3.	Kerajaan Negeri Pahang	1	168.80	27.04.2020
4.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	1	40.00	21.12.2012
5.	M.Y Ikan Sdn. Bhd.	1	9.00	24.02.2020
JUMLAH		13	3,059.29	

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira

Maklum balas Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam Mesyuarat Pra-Penutup pada 25 Julai 2022

Menteri Kewangan telah meluluskan penurunan siling peruntukan bagi projek/pinjaman di bawah Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan Lain atas sebab hapus kira pinjaman berjumlah RM3.231 bilion. Pelarasan hapus kira telah selesai dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Julai 2022.

b. Pelbagai Akaun Belum Terima

- i. Pelbagai ABT terdiri daripada pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut (selain Kementerian Kewangan), ABT Hasil, ABT Hutang-hutang Lain, ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut dan ABT Wang Pendahuluan Kontraktor. Pada tahun 2021, kedudukan pelbagai ABT adalah berjumlah RM55.199 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM7.677 bilion atau 16.2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM47.522 bilion. Tunggakan Pelbagai ABT adalah berjumlah RM20.776 bilion atau 37.6% daripada amaun keseluruhan pelbagai ABT. Kedudukan pelbagai ABT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.52**.

**JADUAL 2.52
KEDUDUKAN PELBAGAI ABT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	JENIS PELBAGAI ABT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Hasil	49,111.46	41,829.70	7,281.76	17.4
2.	Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,944.87	2,648.99	295.88	11.2
3.	Hutang-hutang Lain	2,422.80	2,241.66	181.14	8.1
4.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (Selain Kementerian Kewangan)	643.89	732.50	(88.61)	(12.1)
5.	Wang Pendahuluan Kontraktor	76.00	69.21	6.79	9.8
JUMLAH		55,199.02	47,522.06	7,676.96	16.2

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2021 dan 2020

- ii. ABT Hasil meningkat sebanyak RM7.281 bilion atau 17.4% kepada RM49.111 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM41.830 bilion. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) merekodkan peningkatan tertinggi sejumlah RM7.199 bilion atau 19.7% kepada RM43.697 bilion. Peningkatan ini disebabkan sebahagian besar daripada amaun kena bayar Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah tahun 2021 telah diluluskan penangguhan bayaran, sedang dalam tindakan guaman sivil dan telah diluluskan bayaran secara ansuran. Selain LHDN, Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga

merekodkan peningkatan sebanyak RM306.84 juta kepada RM320.23 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM13.39 juta. Peningkatan ini disebabkan pelaporan amaun ganti rugi biasiswa dan pinjaman boleh ubah tahun 2016 yang baharu dikemas kini oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam tahun 2021.

- iii. ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM0.296 bilion atau 11.2% kepada RM2.945 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.649 bilion. Faedah pinjaman matang terkumpul tertinggi melibatkan peminjam kategori syarikat berjumlah RM2.287 bilion.
- iv. ABT Hutang-hutang Lain juga menunjukkan peningkatan berjumlah RM0.181 bilion atau 8.1% kepada RM2.423 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.242 bilion. JPM merekodkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak RM0.185 bilion atau 16.3% kepada RM1.323 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.138 bilion. Peningkatan ini antaranya melibatkan sewaan kuarters dan sewaan ruang komersial bawah pengurusan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM berjumlah RM11.99 juta.

v. Pengumuran Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai ABT berjumlah RM50.739 bilion atau 91.9% adalah berusia kurang enam tahun, sejumlah RM2.480 bilion atau 4.5% pula berusia antara enam hingga 10 tahun dan sejumlah RM1.980 bilion atau 3.6% berusia melebihi 10 tahun. **Pelbagai ABT berusia melebihi 10 tahun meningkat sejumlah RM0.224 bilion atau 12.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.756 bilion.** Kedudukan pengumuran Pelbagai ABT mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti dalam **Jadual 2.53**.

**JADUAL 2.53
PENGUMURAN PELBAGAI ABT PADA TAHUN 2021**


BIL.	BUTIRAN	JUMLAH ABT BERSIH (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)
		< 6 TAHUN	6 HINGGA 10 TAHUN	> 10 TAHUN	
1.	Kementerian Kewangan	48,960.33	2,106.00	826.46	51,892.79
2.	Jabatan Perdana Menteri	944.96	184.61	521.91	1,651.48
3.	Kementerian Pengajian Tinggi	56.79	70.99	365.99	493.77
4.	Kementerian Kesihatan Malaysia	356.57	39.47	80.07	476.11
5.	Kementerian Pendidikan Malaysia	122.35	26.90	59.14	208.39
6.	Kementerian/Jabatan Lain	297.94	51.61	126.93	476.48
JUMLAH		50,738.94	2,479.58	1,980.50	55,199.02
		91.9%	4.5%	3.6%	100.0%

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2021, Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Kementerian Kewangan

vi. Hapus Kira Pelbagai Akaun Belum Terima

- Pada tahun 2021,hapus kira pelbagai ABT yang telah diluluskan adalah berjumlah RM178.49 juta. Hapus kira tertinggi melibatkan ABT Hasil berjumlah RM90.59 juta. Sebahagian besar hapus kira ini merupakan ABT yang berusia melebihi enam tahun berjumlah RM112.43 juta atau 63%. LHDN diluluskan hapus kira berjumlah RM69.08 juta dan Kementerian Kesihatan Malaysia pula diluluskan hapus kira bagi bil hospital, denda dan bayaran balik yang gagal dikutip berjumlah RM20.83 juta.
- ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut pula telah diluluskan hapus kira berjumlah RM81.45 juta. Hapus kira ini melibatkan pinjaman syarikat Cyberview Sdn. Bhd. berjumlah RM71.75 juta selaras dengan perjanjian penstrukturran pinjaman dan penyelesaian pinjaman secara bukan tunai. Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak juga diluluskan hapus kira faedah lewat berjumlah RM9.70 juta bagi Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas.
- Trend hapus kira pelbagai ABT yang berusia melebihi tempoh enam tahun bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.10**.

CARTA 2.10
TREND HAPUS KIRA PELBAGAI ABT
BERUSIA MELEBIHI ENAM TAHUN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

Pernyataan Audit | Setiap kementerian dan jabatan perlu mengambil tindakan susulan yang berkesan terhadap kedudukan ABT secara berkala. ABT yang berusia melebihi enam tahun lebih berisiko untuk dihapus kira. Hapus kira ABT merupakan satu kerugian kepada Kerajaan atas hasil yang tidak dapat dikutip.

9.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat dan Agensi Antarabangsa

- Pada tahun 2021, nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan dilaporkan berjumlah RM33.862 bilion, iaitu meningkat sejumla RM0.671 bilion atau 2% berbanding tahun kewangan 2020 yang berjumlah RM33.191 bilion. Trend nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun adalah seperti **Carta 2.11** dan perincian pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 2.54**.

CARTA 2.11
NILAI BUKU PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

JADUAL 2.54
PEGANGAN KEPENTINGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	KATEGORI	BIL. PEGANGAN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Syarikat	110	32,844.85	32,174.79	670.06	2.1
2.	Badan Berkanun	5	978.10	978.10	-	-
3.	Agensi Antarabangsa	1	38.57	38.57	-	-
JUMLAH		116	33,861.52	33,191.46	670.06	2.0

Sumber: Nota 9(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, Kerajaan telah membuat pertambahan pegangan saham dalam Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. Selain itu, Kerajaan turut membuat pelaburan baharu dalam syarikat Malaysia Wakala Sukuk Berhad dan syarikat Digital Nasional Berhad.
- c. Pada masa yang sama, pegangan saham Kerajaan dalam syarikat Danajamin Nasional Berhad bernilai RM500 juta telah dilupuskan. Selain itu, Kerajaan juga mempunyai pegangan kepentingan dalam tiga syarikat yang masih dalam proses penggulungan, iaitu Malaysia Batek And Handicraft Berhad (300,001 saham biasa), Malaysian Airline System Berhad (satu saham keutamaan) dan Medical Online Sdn. Bhd. (satu saham keutamaan).
- d. Ringkasan transaksi pelaburan Kerajaan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.55**.

JADUAL 2.55
RINGKASAN TRANSAKSI PELABURAN KERAJAAN PADA TAHUN 2021

BIL.	SYARIKAT	PERUBAHAN PEGANGAN SAHAM BIASA		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM Juta)	
Pertambahan Pegangan Saham				
1.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	372,860,939	940.06	Pertambahan pegangan saham Kerajaan melalui terbitan saham baharu pada 15 November 2021. Terbitan saham baharu ini merupakan pelunasan transaksi pengambilalihan 500 juta unit saham milik Kerajaan dalam syarikat Danajamin Nasional Berhad.
2.	Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.	30,000,000	30.00	Kerajaan bersetuju supaya lebihan dana pembangunan yang berada dalam simpanan syarikat diagihkan semula kepada syarikat. Sehubungan itu, sejumlah RM30 juta diagihkan sebagai suntikan modal dengan terbitan sebanyak 30 juta unit saham baharu.
Perolehan Saham Baharu				
3.	Malaysia Wakala Sukuk Berhad	1	-	Pemilikan saham adalah melalui proses pindahan hak milik satu unit saham daripada syarikat Prokhlas Sdn. Bhd. kepada Kerajaan. Transaksi pindahan hak milik saham adalah tanpa kos dan balasan. Syarikat ini merupakan Special Purpose Vehicle yang ditubuhkan bagi melancarkan proses penerbitan sukuk global 2021 berjumlah USD1.3 bilion.
4.	Digital Nasional Berhad	200,000,000	199.99	Digital Nasional Berhad ditubuhkan pada tahun 2021 melalui pindahan pemilikan saham MKD Sejahtera Sdn. Bhd. daripada syarikat Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. kepada Kerajaan. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk memiliki, membina dan mengendalikan rangkaian 5G dan infrastruktur secara eksklusif serta memberi akses dan melesenkan rangkaian kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia.

BIL.	SYARIKAT	PERUBAHAN PEGANGAN SAHAM BIASA		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM Juta)	
				Pada tahun 2021, Lembaga Pengarah telah meluluskan resolusi untuk menambah terbitan saham syarikat daripada dua unit kepada 200 juta unit dengan nilai RM1 bagi setiap satu unit saham. Seterusnya, sejumlah RM199.99 juta daripada RM214 juta peruntukan kerajaan yang telah diberikan sebagai pendahuluan pemegang saham, dipermodalkan oleh syarikat.
Pengurangan Pegangan Saham				
5.	Danajamin Nasional Berhad	500,000,000	(500.00)	Kepentingan Kerajaan telah diambil alih keseluruhannya oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dengan nilai transaksi berjumlah RM940.06 juta. Pelunasan transaksi adalah melalui terbitan 372.86 juta unit saham baharu Bank Pembangunan Malaysia Berhad.
JUMLAH		670.06		

Sumber: Buku Daftar Pelaburan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Sijil Saham dari Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan

e. Dividen Pelaburan

- i. Pada tahun 2021, dividen pelaburan yang diterima daripada 17 syarikat dan dua badan berkanun adalah berjumlah RM32.213 bilion. Amaun terimaan dividen ini berkurangan sejumlah RM6.662 bilion atau 17.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM38.875 bilion. Prestasi terimaan dividen pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.56**.

JADUAL 2.56
PRESTASI TERIMAAN DIVIDEN PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Syarikat					
1.	Petroliam Nasional Berhad	25,000.00	34,000.00	(9,000.00)	(26.5)
2.	Khazanah Nasional Berhad	3,000.00	1,000.00	2,000.00	200.0
3.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	75.00	152.21	(77.21)	(50.7)
4.	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	26.00	34.00	(8.00)	(23.5)
5.	Pengurusan Aset Air Berhad	17.45	22.15	(4.70)	(21.2)
6.	IJN Holdings Sdn. Bhd.	16.50	12.00	4.50	37.5
7.	SME Bank Berhad	13.21	37.00	(23.79)	(64.3)
8.	Prokhas Sdn. Bhd.*	11.50	9.90	1.60	16.2
9.	Cyberview Sdn. Bhd.	6.16	-	6.16	100.0
10.	Amanah Raya Berhad	6.00	3.00	3.00	100.0
11.	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	5.00	-	5.00	100.0
12.	Perbadanan Nasional Berhad	4.98	10.16	(5.18)	(51.0)
13.	Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.	4.90	4.90	-	-
14.	Danajamin Nasional Berhad	3.80	-	3.80	100.0

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
15.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	0.99	30.00	(29.01)	(96.7)
16.	MyCreative Venture Sdn. Bhd.	0.16	-	0.16	100.0
17.	JKP Sdn. Bhd.	0.10	-	0.10	100.0
18.	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	-	16.67	(16.67)	(100.0)
19.	Malaysia Debt Ventures Berhad	-	2.50	(2.50)	(100.0)
20.	UDA Holdings Berhad	-	2.41	(2.41)	(100.0)
21.	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.	-	2.25	(2.25)	(100.0)
22.	Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	-	1.50	(1.50)	(100.0)
Jumlah Syarikat		28,191.75	35,340.65	(7,148.90)	(20.2)
Badan Berkanun					
23.	Bank Negara Malaysia	4,000.00	3,500.00	500.00	14.3
24.	Bank Simpanan Nasional	21.00	34.00	(13.00)	(38.2)
Jumlah Badan Berkanun		4,021.00	3,534.00	487.00	13.8
JUMLAH KESELURUHAN		32,212.75	38,874.65	(6,661.90)	(17.1)

Sumber: Laporan Imbalan Duga Tunai Disember 2021, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: *Terimaan dividen Prokhas Sdn. Bhd. adalah termasuk Dividen Khas berjumlah RM4.50 juta

- ii. Terimaan dividen daripada sembilan syarikat dan satu badan berkanun adalah berjumlah RM7.049 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM2.524 bilion atau 55.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM4.525 bilion. Peningkatan ketara terimaan dividen ialah daripada Khazanah Nasional Berhad yang berjumlah RM3 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1 bilion. Terimaan dividen ini merangkumi dividen yang telah diisytihar bagi tahun kewangan 2020 yang berjumlah RM1 bilion.
- iii. Bagaimanapun, terimaan dividen daripada 12 syarikat dan satu badan berkanun yang berjumlah RM25.159 bilion berkurangan sebanyak RM9.186 bilion atau 26.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM34.345 bilion. Pengurangan terimaan dividen yang ketara adalah daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang berkurangan masing-masing sejumlah RM9 bilion dan RM77.21 juta berbanding dividen tahun 2020.
- iv. Tiada dividen diterima daripada syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., Malaysia Debt Ventures Berhad, UDA Holdings Berhad, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. dan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. berbanding dividen tahun 2020 yang berjumlah RM25.33 juta.

9.4. Memorandum Liabiliti

Pada tahun 2021, Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM1.298 trilion, iaitu terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM979.814 bilion dan Liabiliti Kewangan berjumlah RM318.001 bilion.

Liabiliti Kewangan ini terdiri daripada Liabiliti PFI berjumlah RM35.574 bilion, Komitmen Kewangan berjumlah RM282.276 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.151 bilion. Liabiliti Kewangan meningkat sebanyak RM10.772 bilion atau 3.5% berbanding RM307.229 bilion pada tahun 2020. Liabiliti Persekutuan juga meningkat sejumrah RM111.026 bilion atau 9.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.187 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 84% pada tahun 2021, iaitu meningkat berbanding 83.7% pada tahun 2020. Kedudukan Liabiliti Persekutuan pada akhir tahun 2021 berbanding pada akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.57**.

**JADUAL 2.57
KEDUDUKAN LIABILITI PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING PADA AKHIR TAHUN 2020**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Hutang Persekutuan	979,814.36	879,559.71	100,254.65	11.4
2.	Liabiliti PFI	35,574.70	37,034.47	(1,459.77)	(3.9)
3.	Komitmen Kewangan	282,275.81	270,022.97	12,252.84	4.5
4.	Pelbagai Liabiliti	150.95	172.47	(21.52)	(12.5)
JUMLAH		1,297,815.82	1,186,789.62	111,026.20	9.4
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK		84.0%	83.7%		

Sumber: Nota 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 13 Mei 2022

9.4.1. Hutang Persekutuan

- a. Hutang Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan. Pada tahun 2021, **Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM979.814 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM100.254 bilion atau 11.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM879.560 bilion.** Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM950.084 bilion atau 97%, manakala hutang luar negeri berjumlah RM29.730 bilion atau 3%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumrah RM98.800 bilion atau 11.6% dan hutang luar negeri turut meningkat sejumrah RM1.455 bilion atau 5.1%. Kedudukan Hutang Persekutuan pada akhir tahun 2021 berbanding pada akhir tahun 2020 adalah

seperti dalam **Jadual 2.58** dan trend kedudukan Hutang Persekutuan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.12**.


JADUAL 2.58
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING PADA AKHIR TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
Pinjaman Dalam Negeri					
1.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	480,717.53	436,417.53	44,300.00	10.2
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	422,600.00	374,600.00	48,000.00	12.8
3.	Sukuk	18,766.42	24,766.42	(6,000.00)	(24.2)
4.	Bil Perpendaharaan Islamik	18,500.00	9,000.00	9,500.00	105.6
5.	Bil Perpendaharaan	9,500.00	6,500.00	3,000.00	46.2
Jumlah Pinjaman Dalam Negeri		950,083.95	851,283.95	98,800.00	11.6
Pinjaman Luar Negeri					
6.	Pinjaman Pasaran	25,147.10	23,055.20	2,091.90	9.1
Jumlah Pinjaman Luar Negeri		25,147.10	23,055.20	2,091.90	9.1
Bantuan Luar Negeri					
7.	Pinjaman Bilateral	4,467.80	5,067.45	(599.65)	(11.8)
8.	Pinjaman Multilateral	115.51	153.11	(37.60)	(24.6)
Jumlah Bantuan Luar Negeri		4,583.31	5,220.56	(637.25)	(12.2)
Hutang Luar Negeri*		29,730.41	28,275.76	1,454.65	5.1
JUMLAH KESELURUHAN		979,814.36	879,559.71	100,254.65	11.4

Sumber: Nota 10(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

Nota: *Hutang Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri

CARTA 2.12
TREND KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

- b. Hutang Persekutuan berjumlah RM276.991 bilion atau 28.3% akan matang dalam tempoh tiga tahun, sejumlah RM397.696 bilion atau 40.6% matang dalam tempoh empat hingga 10 tahun dan sejumlah RM305.127 bilion atau 31.1% akan matang dalam tempoh 11 hingga 30 tahun. Kedudukan pengumuran tempoh matang Hutang Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 2.59**.

JADUAL 2.59
KEDUDUKAN PENGUMURAN
TEMPOH MATANG HUTANG PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021

BIL.	INSTRUMEN SEKURITI HUTANG	TEMPOH MATANG HUTANG PERSEKUTUAN (Tahun)		
		1 – 3	4 – 10	11 – 30
		RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA
1.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	110,879.80	212,559.53	157,278.20
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	119,300.00	166,000.00	137,300.00
3.	Sukuk	18,766.42	-	-
4.	Bil Perpendaharaan Islamik	18,500.00	-	-
5.	Bil Perpendaharaan	9,500.00	-	-
6.	Pinjaman Pasaran	-	18,899.60	6,247.50
7.	Pinjaman Bilateral	38.55	127.41	4,301.84
8.	Pinjaman Multilateral	6.18	109.33	-
JUMLAH		276,990.95	397,695.87	305,127.54

Sumber: Lampiran 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- c. Pada tahun 2021, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Kelestarian dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (USD). Amaun keseluruhan terbitan sukuk tersebut adalah berjumlah USD1.300 bilion yang diterbitkan secara dua tranche, iaitu USD800 juta bertempoh matang 10 tahun dan USD500 juta terbitan bertempoh matang 30 tahun. Kadar kupon bagi sukuk bertempoh matang 10 tahun adalah 2.070%, manakala bagi sukuk bertempoh matang 30 tahun adalah 3.075%. Terbitan sukuk ini akan disalurkan kepada projek sosial dan hijau yang dibenarkan seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Sukuk Matlamat Pembangunan Mampan Kerajaan. Keunikan sukuk ini dapat dilihat pada aset sandarannya, iaitu baucar yang mewakili hak perjalanan rangkaian pengangkutan awam Transit Aliran Ringan, Transit Aliran Massa dan KL Monorail. Kesemua baucar perjalanan ini dikategorikan sebagai aset lestari. Amaun terimaan kasar yang diakaunkan adalah berjumlah RM5.277 bilion.
- d. Seksyen 2, Akta A1635 menetapkan had statutori hutang berbanding KDNK dalam Subseksyen 3(1), Akta 830 ditingkatkan daripada 60% kepada 65% berkuat kuasa mulai 18 November 2021 hingga 31 Disember 2022. Penetapan had statutori hutang ini melibatkan Bil Perpendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Prihatin yang

berjumlah RM922.484 bilion, iaitu bersamaan dengan 59.7% kepada KDNK. Nisbah statutori hutang tahun 2021 lebih tinggi berbanding tahun 2020 yang berada pada kedudukan 57.9% kepada KDNK.

- e. **Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2021 adalah pada kedudukan 63.4%, iaitu meningkat sebanyak 1.4% berbanding tahun 2020 yang berada pada kedudukan 62% berbanding KDNK.** Peratusan nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.60**.

JADUAL 2.60
PERATUSAN NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN
KEPADА KDNK PADA TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2021

PERKARA	TAHUN				
	2017 (RM Bilion)	2018 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)
Jumlah Hutang Persekutuan	686.837	741.049	792.998	879.560	979.814
Peningkatan (%)	5.9	7.9	7.0	10.9	11.4
KDNK	1,372.310	1,447.760	1,512.738	1,418.000	1,545.372
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%)	50.0	51.2	52.4	62.0	63.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 13 Mei 2022

9.4.2. Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

- a. Inisiatif Pembiayaan Swasta adalah satu kaedah pembiayaan projek pembangunan secara *off-budget*. Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi mendapatkan pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Terimaan pinjaman berkenaan disalurkan kepada Kerajaan sebagai sumbangan melalui Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II). Dana tersebut digunakan bagi membiayai perbelanjaan seperti yang ditetapkan dalam Surat Arahan Amanah. Bayaran balik pinjaman berkenaan akan dilunaskan oleh Kerajaan mengikut Jadual Bayaran Balik dan baki belum selesai dilaporkan sebagai Liabiliti PFI.
- b. Pada 31 Disember 2021, Liabiliti PFI adalah berjumlah RM35.574 bilion. Kedudukan baki ini berkurangan sejumlah RM1.460 bilion atau 3.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM37.034 bilion. Kedudukan Liabiliti PFI pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.61**.

JADUAL 2.61
KEDUDUKAN LIABILITI PFI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	19,366.38	20,447.97	(1,081.59)	(5.3)
2.	MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.	16,208.32	16,586.50	(378.18)	(2.3)
JUMLAH		35,574.70	37,034.47	(1,459.77)	(3.9)


Sumber: Nota 10(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- c. Pengurangan ini disebabkan bayaran prinsipal pinjaman berjumlah RM0.813 bilion kepada KWSP dan RM0.982 bilion kepada KWAP. Pada masa yang sama, bayaran faedah pinjaman yang telah dilunaskan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM1.170 bilion. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan berkaitan Liabiliti PFI adalah berjumlah RM2.965 bilion yang telah dilunaskan menggunakan peruntukan pembangunan, iaitu berkurangan sebanyak RM0.172 bilion atau 5.5% berbanding RM3.137 bilion pada tahun 2020.

d. Penstrukturan Semula Pinjaman

- i. Pada tahun 2021, prinsipal pinjaman syarikat MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. mengalami pertambahan sejumlah RM0.335 bilion disebabkan berlakunya penstrukturan bayaran balik pinjaman. Penstrukturan ini telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan pada 18 Februari 2021.
- ii. Analisis Audit terhadap kesan penstrukturan semula pinjaman syarikat MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:
- **Pelanjutan tempoh bayaran balik pinjaman sehingga tahun 2036 berbanding tempoh pembiayaan asal yang akan tamat pada tahun 2028.** Pelanjutan tempoh ini membolehkan komitmen bayaran balik pinjaman sehingga tahun 2027 berkurangan antara 6% hingga 54%. Perbandingan komitmen bayaran balik sebelum dan selepas penstrukturan semula pinjaman adalah seperti dalam **Carta 2.13**.

CARTA 2.13
PERBANDINGAN KOMITMEN BAYARAN BALIK
SEBELUM DAN SELEPAS PENSTRUKTURAN SEMULA PINJAMAN



Sumber: Jadual Bayaran Balik Pinjaman

- **Pertambahan kos faedah pinjaman sejumlah RM4.458 bilion dan faedah terakru yang dipermodalkan sejumlah RM0.335 bilion.** Keadaan ini menjadikan keseluruhan perbelanjaan berkaitan Liabiliti PFI bertambah sebanyak RM4.793 bilion. Perincian pertambahan kos faedah pinjaman dan amaun prinsipal pinjaman adalah seperti dalam **Jadual 2.62**.

JADUAL 2.62
PERTAMBAHAN KOS FAEDAH PINJAMAN DAN
AMAUN PRINSIPAL KESAN DARIPADA PENSTRUKTURAN PINJAMAN

BUTIRAN	SEBELUM PENSTRUKTURAN (RM Bilion)	SELEPAS PENSTRUKTURAN (RM Bilion)	PERUBAHAN	
			RM BILION	%
Kos Faedah	2.106	6.564	4.458	211.7
Prinsipal	15.873	16.208	0.335	2.1
JUMLAH	17.979	22.772	4.793	26.7

Sumber: Jadual Bayaran Balik Pinjaman

9.4.3. Komitmen Kewangan

Komitmen Kewangan ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan. Komitmen Kewangan terdiri daripada komitmen jaminan, komitmen pajakan kewangan, komitmen bayaran balik cukai dan komitmen pampasan. Pada tahun 2021, **kedudukan komitmen kewangan Kerajaan adalah berjumlah RM282.276 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM12.253 bilion atau 4.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah**

RM270.023 bilion. Kedudukan komitmen kewangan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.63**.

JADUAL 2.63
KEDUDUKAN KOMITMEN KEWANGAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Komitmen Jaminan	229,391.74	216,841.56	12,550.18	5.8
2.	Komitmen Pajakan Kewangan	37,202.94	37,572.30	(369.36)	(1.0)
3.	Komitmen Bayaran Balik Cukai	14,683.29	14,635.44	47.85	0.3
4.	Komitmen Pampasan	997.84	973.67	24.17	2.5
JUMLAH		282,275.81	270,022.97	12,252.84	4.5

Sumber: Nota 10(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

a. Komitmen Jaminan

- i. Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan. Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi melunaskan pinjaman yang dijamin Kerajaan. Pada tahun 2021, sebanyak 14 syarikat MKD dikenal pasti memerlukan bantuan Kerajaan dalam memenuhi obligasi pinjaman masing-masing.
- ii. Obligasi Kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi pinjaman syarikat yang dijamin adalah berjumlah RM229.392 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM12.550 bilion atau 5.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM216.842 bilion. Kedudukan Komitmen Jaminan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.64**.

JADUAL 2.64
KEDUDUKAN KOMITMEN JAMINAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Danainfra Nasional Berhad	78,765.00	72,320.00	6,445.00	8.9
2.	Prasarana Malaysia Berhad	40,164.00	38,914.00	1,250.00	3.2
3.	1Malaysia Development Berhad	32,072.50	31,110.50	962.00	3.1
4.	Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd.	25,725.89	21,530.04	4,195.85	19.5
5.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	21,526.27	20,687.08	839.19	4.1
6.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	7,179.30	6,951.32	227.98	3.3
7.	Govco Holdings Berhad	5,700.00	7,200.00	(1,500.00)	(20.8)
8.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	5,470.49	5,527.93	(57.44)	(1.0)

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
9.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310.00	5,310.00	-	-
10.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	4,500.00	3,500.00	1,000.00	28.6
11.	TRX City Sdn. Bhd.	1,141.54	252.78	888.76	351.6
12.	SRC International Sdn. Bhd.	985.01	2,485.01	(1,500.00)	(60.4)
13.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	700.00	800.00	(100.00)	(12.5)
14.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	151.74	252.90	(101.16)	(40.0)
JUMLAH		229,391.74	216,841.56	12,550.18	5.8

Sumber: Nota 10(c)(i) dan Lampiran 8, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- iii. Peningkatan obligasi Kerajaan antaranya disebabkan terbitan pinjaman baharu oleh syarikat Danainfra Nasional Berhad, Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. dan Prasarana Malaysia Berhad bagi membiayai projek infrastruktur seperti Transit Aliran Massa, Lebuh Raya Pan Borneo, Transit Aliran Ringan dan East Coast Rail Link.
- iv. Pengurangan obligasi Kerajaan pula melibatkan syarikat Govco Holdings Berhad, Jambatan Kedua Sdn. Bhd., SRC International Sdn. Bhd., Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. dan Assets Global Network Sdn. Bhd. disebabkan oleh pelunasan prinsipal pinjaman yang matang pada tahun 2021 berjumlah RM3.259 bilion.

v. Penyaluran Peruntukan Kerajaan

Pada tahun 2021, **sebanyak 11 syarikat telah menerima peruntukan Kerajaan berjumlah RM11.337 bilion bagi memenuhi obligasi pinjaman masing-masing yang terdiri daripada bayaran prinsipal dan faedah pinjaman.** Pemberian ini adalah menggunakan peruntukan mengurus berjumlah RM0.449 bilion (2020: RM0.534 bilion), peruntukan pembangunan berjumlah RM9.647 bilion (2020: RM5.128 bilion) dan dana amanah berjumlah RM1.241 bilion (2020: RM1.233 bilion). Amaun pemberian ini meningkat sejumrah RM4.441 bilion atau 64.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM6.896 bilion disebabkan bayaran prinsipal pinjaman matang tahun 2021 yang lebih tinggi. Perincian pemberian Kerajaan bagi pelunasan pinjaman syarikat berdasarkan sumber dana pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.65.**

JADUAL 2.65
PEMBERIAN BAGI PELUNASAN PINJAMAN SYARIKAT
BERDASARKAN SUMBER DANA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT	TAHUN 2021					TAHUN 2020	PERUBAHAN		
		SUMBER DANA								
		VOT B	VOT P	VOT AMANAH	JUMLAH	JUMLAH				
		RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	%		
1.	Danainfra Nasional Berhad	-	3,717.93	-	3,717.93	2,337.00	1,380.93	59.1		
2.	Govco Holdings Berhad	-	1,727.70	-	1,727.70	260.00	1,467.70	564.5		
3.	1Malaysia Development Berhad	-	459.28	1,240.56	1,699.84	1,740.29	(40.45)	(2.3)		
4.	SRC International Sdn. Bhd.	-	1,540.29	-	1,540.29	1,052.28	488.01	46.4		
5.	Prasarana Malaysia Berhad	-	1,221.29	-	1,221.29	-	1,221.29	100.0		
6.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	472.61	-	472.61	236.80	235.81	99.6		
7.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	-	329.85	-	329.85	337.20	(7.35)	(2.2)		
8.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	218.71	-	-	218.71	180.31	38.40	21.3		
9.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	-	178.40	-	178.40	158.21	20.19	12.8		
10.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	120.37	-	-	120.37	36.00	84.37	234.4		
11.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	110.37	-	-	110.37	57.76	52.61	91.1		
12.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	-	-	-	-	500.00	(500.00)	(100.0)		
JUMLAH		449.45	9,647.35	1,240.56	11,337.36	6,895.85	4,441.51	64.4		

Sumber: Data perbelanjaan iGFMAS, buku amanah, dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

Nota: Vot B - Vot Mengurus, Vot P - Vot Pembangunan

vi. Komitmen Jaminan Pinjaman Syarikat 1Malaysia Development Berhad

- Sehingga 31 Disember 2021, jaminan pinjaman syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah berjumlah RM32.073 bilion. Sebanyak RM14.578 bilion prinsipal pinjaman akan matang pada tahun 2022, sejumlah RM12.495 bilion pada tahun 2023 dan sejumlah RM5 bilion pada tahun 2039. Komitmen bayaran faedah pinjaman sehingga tempoh matang dianggarkan sehingga RM1.705 bilion setahun.
- Pelunasan faedah pinjaman syarikat yang berjumlah RM1.700 bilion pada tahun 2021 adalah menggunakan peruntukan pembangunan berjumlah RM0.459 bilion dan AAMKA berjumlah RM1.241 bilion. Baki AAMKA pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM15.281 bilion. Butiran pelunasan faedah pinjaman 1MDB pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.66**.

JADUAL 2.66
PELUNASAN FAEDAH PINJAMAN 1MDB PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN JAMINAN	BAYARAN FAEDAH PINJAMAN		
		TARIKH BAYARAN	SUMBER DANA	AMAUN (RM Juta)
1.	Bon Global	02.03.2021	AAMKA	269.75
		07.09.2021	AAMKA	281.83
2.	1MDB Energy (Langat)	14.04.2021	AAMKA	208.50
		25.10.2021	AAMKA	211.64
3.	1MDB Energy Limited	06.05.2021	Vot Pembangunan	220.13
		08.11.2021	AAMKA	220.49
4.	Sukuk	20.05.2021	Vot Pembangunan	143.75
		22.11.2021	Vot Pembangunan	95.40
		26.11.2021	AAMKA	48.35
JUMLAH				1,699.84

Sumber: Data perbelanjaan iGFMAS, buku amanah dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

vii. SRC International Sdn. Bhd.

- SRC International Sdn. Bhd. telah membuat pengeluaran pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang dijamin oleh Kerajaan sejumlah RM2 bilion pada tahun 2011 dan RM2 bilion pada tahun 2012. Bayaran balik pinjaman bermula pada tahun 2014. Baki prinsipal pinjaman pada tahun 2021 adalah berjumlah RM0.985 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM1.500 bilion atau 60.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.485 bilion.
- Pada tahun 2021, Kerajaan telah melunaskan prinsipal pinjaman berjumlah RM1.500 bilion dan faedah pinjaman berjumlah RM40.29 juta menggunakan peruntukan pembangunan.
- Selain pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), syarikat juga menerima pinjaman daripada Kerajaan yang berjumlah RM600.80 juta, iaitu sejumlah RM91 juta pada tahun 2015, RM213.68 juta pada tahun 2016 dan RM296.12 juta pada tahun 2017. Setakat 31 Disember 2021, syarikat hanya membuat bayaran balik sejumlah RM3.25 juta atau 0.5% daripada jumlah keseluruhan pinjaman. Ini menjadikan tunggakan pinjaman syarikat dengan Kerajaan adalah berjumlah RM597.55 juta.

viii. Turus Pesawat Sdn. Bhd. dan Assets Global Network Sdn. Bhd.

- Assets Global Network Sdn. Bhd. (AGN) dan Turus Pesawat Sdn. Bhd. (TPSB) adalah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan khusus untuk mendapatkan pinjaman bagi pihak syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB). Pada tahun 2020, Kerajaan mula membiayai keseluruhan pinjaman AGN dan TPSB. Pinjaman berkenaan perlu dilunaskan oleh Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya kegagalan pembayaran (event of cross-default) terhadap pinjaman Kerajaan yang lain setelah syarikat MAB menghadapi kesulitan kewangan bagi memenuhi obligasi bayaran pinjaman berkenaan.
- Sebagai pertukaran kepada komitmen Kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi bayaran prinsipal dan kupon sukuk, syarikat TPSB telah diberikan pemilikan sebanyak 5,583,362 unit saham dalam Malaysia Aviation Group Berhad (share swap). Pada masa yang sama, TPSB diberikan hak tidak boleh batal melalui opsyen untuk menjual kesemua saham Malaysia Aviation Group Berhad kepada pemegang saham utama pada harga tidak kurang daripada nilai pinjaman, iaitu RM5.400 bilion dalam tempoh yang akan ditetapkan.

b. Komitmen Pajakan Kewangan

- i. Aset pajakan terdiri daripada aset bangunan yang dibangunkan melalui Kerjasama Sektor Awam-Swasta (PPP) di bawah pengurusan dan pemantauan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Bayaran bagi perjanjian PPP terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu bayaran pajakan, bayaran caj penyenggaraan dan bayaran caj penggantian aset bagi tempoh masa sehingga 25 tahun. Bagaimanapun, bagi tujuan pelaporan, Kerajaan melaporkan komitmen bagi bayaran pajakan yang telah mengambil kira faktor kadar diskaun semasa. Aset pajakan juga termasuk peralatan yang didapatkan melalui perjanjian konsesi.
- ii. Pada tahun 2021, kedudukan komitmen pajakan kewangan adalah berjumlah RM37.203 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM0.369 bilion atau 1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM37.572 bilion. Komitmen ini meliputi kos pajakan bagi 162 buah bangunan dan tujuh peralatan Kerajaan Persekutuan serta 28 buah bangunan badan berkanun. Kedudukan komitmen pajakan kewangan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.67**.

JADUAL 2.67
KEDUDUKAN KOMITMEN PAJAKAN KEWANGAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	KATEGORI PAJAKAN	TAHUN				PERUBAHAN		
		2021		2020		BIL.	RM JUTA	% %
		BIL.	RM JUTA	BIL.	RM JUTA			
1.	Kerajaan Persekutuan							
	Bangunan	162	24,107.22	160	26,000.95	2	(1,893.73)	(7.3)
	Peralatan	7	748.55	7	848.21	-	(99.66)	(11.7)
Jumlah Kerajaan Persekutuan		169	24,855.77	167	26,849.16	2	(1,993.39)	(7.4)
2.	Badan Berkanun							
	Bangunan	28	12,347.17	26	10,723.14	2	(1,624.03)	15.1
	Jumlah Badan Berkanun	28	12,347.17	26	10,723.14	2	(1,624.03)	15.1
JUMLAH KESELURUHAN		197	37,202.94	193	37,572.30	4	(369.36)	(1.0)

Sumber: Nota 10(c)(ii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- iii. Pada tahun 2021, terdapat tiga aset pajakan baharu dilaporkan berjumlah RM2.723 bilion. Senarai tiga aset pajakan berkenaan adalah seperti dalam **Jadual 2.68**.

JADUAL 2.68
ASET PAJAKAN BAHARU DILAPORKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	PREMIS	AMAUN (RM Juta)
1.	Kementerian Pengajian Tinggi	Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia	1,226.07
2.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Hospital Pengajar Universiti Teknologi MARA Puncak Alam	1,074.01
3.		Hospital Umum Sarawak	422.69
JUMLAH			2,722.77

Sumber: Senarai Pajakan Kewangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

c. Komitmen Bayaran Balik Cukai

- i. Komitmen bayaran balik cukai adalah obligasi Kerajaan untuk membuat bayaran balik lebihan cukai yang telah diterima daripada Orang Kena Cukai. Bayaran balik ini tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sebanyak tiga jenis cukai yang mempunyai elemen bayaran balik, iaitu Cukai Pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah serta Cukai Barang dan Perkhidmatan.
- ii. Pada tahun 2021, kedudukan komitmen bayaran balik cukai adalah berjumlah RM14.683 bilion. Amaun komitmen ini meningkat sejumrah RM47.85 juta atau 0.3% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM14.635 bilion. Kedudukan

komitmen bayaran balik cukai pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.69**.

JADUAL 2.69
KEDUDUKAN KOMITMEN
BAYARAN BALIK CUKAI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Cukai Pendapatan	13,042.91	12,186.43	856.48	7.0
2.	Cukai Barang dan Perkhidmatan	1,037.09	1,873.58	(836.49)	(44.6)
3.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	603.29	575.43	27.86	4.8
JUMLAH		14,683.29	14,635.44	47.85	0.3

Sumber: Nota 10(c)(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- iii. Bayaran balik Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah diuruskan oleh LHDN menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC). Pada tahun 2021, sebanyak RM14 bilion telah diperuntukkan bagi tujuan bayaran balik cukai dan sejumlah RM12.003 bilion komitmen bayaran balik cukai telah dilunaskan menggunakan peruntukan berkenaan. Baki TBBC pada akhir tahun 2021 berjumlah RM2.181 bilion.
- iv. Bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan pula diuruskan oleh JKDM. Pada tahun 2021, kedudukan komitmen Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan berkurangan sejumlah RM0.837 bilion atau 44.7% kepada RM1.037 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.874 bilion. Pelunasan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM0.720 bilion. Bayaran balik adalah menggunakan dana Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan yang telah mendapat peruntukan sebanyak RM0.605 bilion. Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan adalah berbaki RM275.85 juta pada akhir tahun 2021.

d. Komitmen Pampasan

- i. Pada tahun 2021, Komitmen Pampasan adalah berjumlah RM0.998 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM24.17 juta atau 2.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.974 bilion. Komitmen Pampasan terdiri daripada Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya dan Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai. Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya merupakan amaun pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi lebuhraya berikutnya pemberian diskaun tol, penangguhan kenaikan kadar

tol dan pemansuhan kutipan tol sebelum tamat tempoh konsesi. Amaun pampasan yang layak dibayar akan disahkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia setelah syarikat konsesi mengemukakan Sijil Bayaran Pampasan Konsesi. Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai pula ialah obligasi bayaran pampasan kepada pembayar cukai yang layak kerana kelewatan Kerajaan dalam membuat bayaran balik lebihan cukai pendapatan.

ii. Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya

- Kedudukan Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya pada tahun 2021 adalah berjumlah RM0.910 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM17.43 juta atau 2% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.893 bilion. Peningkatan ini disebabkan tuntutan pampasan daripada syarikat konsesi bagi penangguhan kenaikan kadar tol yang tidak dapat disempurnakan pembayarannya dalam tahun 2021. Tuntutan pampasan berkenaan melibatkan tiga lebuh raya seperti dalam **Jadual 2.70**.

JADUAL 2.70
TUNTUTAN PAMPASAN YANG BELUM DIJELASKAN DALAM TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	SYARIKAT KONSESI	TAHUN PAMPASAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	2020	7.02
2.	Lebuhraya Ampang - Kuala Lumpur	Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd.	2021	5.56
3.	Lebuhraya Lembah Klang Selatan	SKVE Holdings Sdn. Bhd.	2021	4.85
JUMLAH				17.43

Sumber: Lampiran 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 dan Rekod Kementerian Kerja Raya

- Baki komitmen pampasan yang berjumlah RM892.58 juta adalah amaun pampasan kepada syarikat PLUS Malaysia Berhad (PLUS) yang akan dilunaskan setelah perjanjian penstrukturran PLUS dimuktamadkan. Pampasan ini melibatkan penamatan konsesi Lebuh Raya Batu Tiga, Sungai Rasau, Bukit Kayu Hitam serta Skim Penyuraian Trafik Timur Johor pada tahun 2018.
- Pelunasan pampasan kepada syarikat konsesi pada tahun 2021 adalah berjumlah RM1.336 bilion merangkumi pampasan bagi tahun 2018 hingga 2021. Perincian pelunasan pampasan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.71**.

JADUAL 2.71
PELUNASAN PAMPASAN PADA TAHUN 2021

BIL.	TAHUN PAMPASAN	BILANGAN LEBUH RAYA	JUMLAH (RM Juta)
1.	2021	11	184.31
2.	2020	18	910.53
3.	2019	8	241.28
4.	2018	1	0.04
JUMLAH		38	1,336.16

Sumber: Data Sistem iGFMAS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Rekod Kementerian Kerja Raya

iii. Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai

- Pampasan kelewatan bayaran balik cukai pendapatan diperuntukkan dalam Seksyen 111D, Akta Cukai Pendapatan 1967. Mulai tahun taksiran 2013, pampasan sebanyak 2% adalah layak dibayar kepada pembayar cukai sekiranya berlakunya kelewatan di pihak Kerajaan untuk membuat bayaran balik lebihan cukai pendapatan.
- Kelewatan bayaran balik lebihan cukai pendapatan ditetapkan selepas tempoh 90 hari bagi pembayar cukai yang mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing dan selepas 120 hari bagi BNCP yang dikemukakan secara pos atau serahan di kaunter.
- Sehingga 31 Disember 2021, amaun pampasan yang layak dibayar adalah berjumlah RM87.82 juta melibatkan 112,959 pembayar cukai kategori syarikat dan 16,426 pembayar cukai dalam kategori selain syarikat.

9.4.4. Pelbagai Liabiliti

- a. Pelbagai liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada tahun 2021, kedudukan pelbagai liabiliti adalah berjumlah RM150.95 juta, iaitu berkurangan sejumrah RM21.52 juta atau 12.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM172.47 juta. Kedudukan pelbagai liabiliti pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.72**.

JADUAL 2.72
KEDUDUKAN PELBAGAI LIABILITI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Nota Kena Bayar	105.03	131.09	(26.06)	(19.9)
2.	Sekuriti Tak Dituntut	31.09	27.34	3.75	13.7

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	RM JUTA	%
3.	Akaun Depositori Pusat	14.83	14.04	0.79	5.6
	JUMLAH	150.95	172.47	(21.52)	(12.5)

Sumber: Nota 10(d), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, kedudukan Nota Kena Bayar berkurangan sejumlah RM26.06 juta atau 19.9%. Pengurangan ini disebabkan penunaian nota janji Asian Development Fund (ADF) berjumlah RM3.60 juta dan International Development Association (IDA) berjumlah RM26.17 juta.
- c. Kedudukan Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat adalah berjumlah RM45.92 juta, iaitu meningkat sebanyak RM4.54 juta atau 11% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM41.38 juta.

10. LIABILITI LUAR JANGKA - JAMINAN BERKANUN

10.1. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada caruman atau deposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Pada tahun 2021, caruman atau deposit yang dijamin adalah berjumlah RM1.116 trilion, iaitu bertambah sejumlah RM15.736 bilion atau 1.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.100 trilion.

10.2. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2021, amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi enam badan berkanun dan 25 syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM15.713 bilion atau 5.3% kepada RM310.388 bilion berbanding RM294.675 bilion pada tahun 2020. Kedudukan Jaminan Berkanun pada akhir tahun 2021 berbanding pada akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2.73** dan trend kedudukan Jaminan Berkanun bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.14**.


JADUAL 2.73
KEDUDUKAN JAMINAN BERKANUN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING PADA AKHIR TAHUN 2020

BIL.	JENIS JAMINAN	BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2021 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	RM BILION	%
1.	Jaminan Pencarum/Pendeposit	4	1,116.184	1,100.448	15.736	1.4

BIL.	JENIS JAMINAN	BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2021 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	RM BILION	%
2.	Jaminan Pinjaman:					
	Badan Berkanun	6	91.300	80.660	10.640	13.2
	Syarikat	25	219.088	214.015	5.073	2.4
Jumlah Jaminan Pinjaman		31	310.388	294.675	15.713	5.3
JUMLAH KESELURUHAN		35	1,426.572	1,395.123	31.449	2.3

Sumber : Nota 11 dan Lampiran 11, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021

CARTA 2.14
TREND KEDUDUKAN JAMINAN BERKANUN
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 hingga 2021

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2021 adalah seperti berikut:

11.1. Wang Awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan adalah berjumlah RM77.943 bilion. Wang Awam dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM11.863 bilion dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM66.080 bilion. Akaun Pinjaman Disatukan kekal berbaki sifar;

11.2. Hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM233.752 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM8.677 bilion atau 3.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM225.075 bilion. Peningkatan utama melibatkan hasil cukai sebanyak RM19.305 bilion atau 12.5% terutamanya daripada kutipan Cukai Pendapatan Syarikat yang berjumlah RM79.829 bilion. Bagaimanapun, Hasil Bukan Cukai merekodkan pengurangan sebanyak

RM10.925 bilion atau 17.6% terutamanya terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan;

11.3. Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan hasil berjumlah RM2.236 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM1.761 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.475 bilion. Keseluruhan amaun lebihan hasil telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan;

11.4. Perbelanjaan mengurus termasuk pindahan lebihan hasil kepada Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM8.677 bilion atau 3.9% kepada RM233.752 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM225.075 bilion. Perbelanjaan utama Kerajaan adalah melibatkan perbelanjaan emolumen berjumlah RM85.854 bilion (2020:RM82.996 bilion), perbelanjaan kerana hutang berjumlah RM38.069 bilion (2020:RM34.495 bilion), bayaran persaraan berjumlah RM28.037 bilion (2020: RM26.392 bilion) dan program subsidi berjumlah RM13.134 bilion (2020:RM4.659 bilion);

11.5. Perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM64.257 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM12.897 bilion atau 25.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM51.360 bilion. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah bayaran pelunasan komitmen jaminan berjumlah RM9.647 bilion (2020: RM5.128 bilion), pelunasan Liabiliti PFI berjumlah RM2.965 bilion (2020: RM3.137 bilion) dan pengelasan perbelanjaan mengurus berjumlah RM8.711 bilion (2020: RM2.776 bilion);

11.6. Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19 adalah berjumlah RM37.711 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM308.22 juta atau 0.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM38.019 bilion. Perbelanjaan utama Kumpulan Wang Covid-19 terdiri daripada Bantuan Prihatin Nasional berjumlah RM15.893 bilion dan Program Subsidi Upah berjumlah RM8.973 bilion;

11.7. Kerajaan Persekutuan terus mencatat defisit, iaitu berjumlah RM98.740 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK sebanyak 6.4% (2020: RM87.645 bilion atau 6.2%). Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri;

11.8. Terimaan pinjaman kasar adalah berjumlah RM217.201 bilion. Terimaan pinjaman ini digunakan bagi bayaran prinsipal pinjaman matang berjumlah RM113.764 bilion (2020: RM98.058 bilion), pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM62.317 bilion (2020: RM48.571 bilion), pindahan ke Kumpulan Wang Covid-19 berjumlah RM38 bilion (2020: RM38.020 bilion) dan pelarasian kepada Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan berjumlah RM3.120 bilion (2020: RM9.906 bilion);

11.9. Hutang Persekutuan telah meningkat sebanyak RM100.254 bilion atau 11.4% kepada RM979.814 bilion berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM879.560 bilion. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 63.4% (2020: 62%). Nisbah Statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Prihatin berjumlah RM922.484 bilion adalah pada nisbah 59.7% kepada KDNK (2020: 57.9%). Nisbah ini masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK;

11.10. Liabiliti Kewangan yang berjumlah RM318.001 bilion juga meningkat sebanyak RM10.772 bilion atau 3.5% berbanding RM307.229 bilion pada tahun 2020. Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti PFI berjumlah RM35.574 bilion (2020: RM37.034 bilion), komitmen jaminan berjumlah RM229.392 bilion (2020: RM216.842 bilion), komitmen pajakan kewangan berjumlah RM37.203 bilion (2020: RM37.572 bilion), komitmen bayaran balik cukai berjumlah RM14.683 bilion (2020: RM14.635 bilion), komitmen pampasan berjumlah RM0.998 bilion (2020: RM0.974 bilion) dan pelbagai liabiliti berjumlah RM150.95 juta (2020: RM172.47 juta);

11.11. Secara keseluruhannya, perbelanjaan berkaitan Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM164.894 bilion, iaitu 10.6% kepada KDNK (2020: RM140.818 bilion/9.9%). Perbelanjaan terdiri daripada bayaran balik prinsipal pinjaman matang berjumlah RM113.764 bilion, perbelanjaan kerana hutang berjumlah RM38.069 bilion, pelunasan komitmen jaminan berjumlah RM10.096 bilion dan pelunasan Liabiliti PFI berjumlah RM2.965 bilion;

11.12. Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.298 trilion, iaitu meningkat sebanyak RM111.026 bilion atau 9.4% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM1.187 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 84% (2020: 83.7%); dan

11.13. Aset Persekutuan yang terdiri daripada Akaun Belum Terima dan pelaburan (pegangan ekuiti) dalam 110 syarikat, lima Badan Berkanun dan satu agensi antarabangsa adalah berjumlah RM146.907 bilion.

12. SYOR AUDIT

Kerjasama dari semua peringkat, termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

- 12.1. Mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjanaan hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Langkah ini penting supaya lebihan hasil dapat dipertingkatkan bagi membaiayai perbelanjaan pembangunan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu;
- 12.2. Pemantauan dipertingkat terhadap bayaran AP58(a), terutamanya tuntutan dan permohonan bayaran AP58(a) yang diterima selepas bulan April tahun berikutnya. Tuntutan dan permohonan berkenaan boleh dipertimbangkan untuk bayaran di bawah AP59. Hal ini untuk memastikan peruntukan tahun semasa dapat dioptimumkan penggunaannya selaras dengan belanjawan yang telah diluluskan;
- 12.3. Memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan kepada projek dan program yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada aktiviti ekonomi negara. Pada masa yang sama, pemantauan yang rapi dilaksanakan terhadap prestasi projek pembangunan kerana peruntukan pembangunan yang tidak dibelanjakan seperti yang diperuntukkan merupakan satu kos kepada Kerajaan; dan
- 12.4. Memastikan sebarang polisi yang diwujudkan berkaitan dengan perakaunan dan pelaporan penyata kewangan adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan dan standard perakaunan semasa.